



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN



PANDUAN UMUM

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Panduan Umum	1
Panduan-Panduan Lain Yang Berkaitan	1
Sumber-Sumber Maklumat Lain.....	1
(b) Pusat Panggilan Kastam.....	1
(c) Unit CBP	1
(d) Pejabat JKDM.....	2
SKOP CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN	2
Pengenaaan Cukai.....	2
Pembekalan Barang dan Perkhidmatan.....	3
(a) Pembekalan Bercukai	4
(b) Pembekalan Dikecualikan.....	4
Orang Kena Cukai.....	4
Perniagaan.....	5
Dibuat di Malaysia.....	6
PENDAFTARAN CBP	6
Tanggungjawab Untuk Berdaftar	6
Perolehan Bercukai.....	6
Pengiraan Pembekalan Bercukai Untuk Pendaftaran CBP	7
Penentuan Tempoh Dua Belas Bulan	8
(a) Kaedah Kebelakang.....	8
(b) Kaedah Hadapan	8
Tarikh Kuat Kuasa Bagi Pendaftaran Wajib	9
Pendaftaran Secara Sukarela	10
Pendaftaran Bagi Permindahan Usaha Berterusan (TOGC).....	10
Tarikh Kuat Kuasa Pendaftaran Dan Pembatalan Pendaftaran <i>TOGC</i>	11
Pendaftaran Orang Yang Membuat Pembekalan Berkadar Sifar	11
Pendaftaran Ejen	12
Pendaftaran Pertubuhan Atau Organisasi Yang Serupa.....	13
Wakil Peribadi	13
Pendaftaran Kumpulan.....	14
Permohonan Untuk Pendaftaran Kumpulan	14

Layanan Keatas Pembekalan Antara Syarikat Di Bawah Pendaftaran Kumpulan	15
Orang Kena Cukai Tunggal	15
Usaha Sama	16
Pendaftaran Cawangan Atau Bahagian	16
Tanggungjawab Sebagai Orang Berdaftar	17
Permohonan Pendaftaran CBP	18
Tamat Pendaftaran	18
Tanggungan Pendaftaran Akan Berakhir	18
Pemberitahuan Pemberhentian Tanggungan Pendaftaran	19
Pembatalan Pendaftaran	19
Maklumat Umum	19
PEMBEKALAN	20
Tempat pembekalan	20
Pembekalan barang	20
Pembekalan perkhidmatan	21
Caj Kebalikan	22
Nilai pembekalan	22
Balasan.	23
Pembekalan bagi balasan wang	23
Pembekalan bagi balasan bukan wang (dalam bentuk barangan)	23
Pembekalan bagi balasan sebahagiannya wang dan sebahagiannya dalam bentuk barangan	24
Pembekalan yang dibuat tanpa balasan	24
Nilai bagi barang yang diimport	24
Kaedah Penilaian Khas	25
Masa pembekalan	25
Kaedah masa pembekalan umum	26
Pengecualian kepada kaedah umum	27
PENGIMPORAN PERKHIDMATAN	35
Maksud Pengimportan Perkhidmatan	35
Maksud “Digunakan di Malaysia”	35
Perkhidmatan Bercukai yang tertakluk kepada CBP bilamana Pembekalan Diterima dari Luar Negara	36
Nilai Pembekalan Pengimportan Perkhidmatan	36

Tanggungan CBP ke atas Penerima Pengimportan Perkhidmatan.....	37
Mengakaunkan Pembekalan Pengimportan Perkhidmatan.....	37
Invois Cukai tidak perlu untuk Pengimportan Perkhidmatan	38
PENGEKSPORTAN PERKHIDMATAN.....	38
BARANG DIIMPORT DAN DIEKSPORT	39
Barang diimport.....	39
Pelepasan CBP ke atas Import.....	40
Penggantungan CBP semasa Pengimportan	40
Barang diimport di bawah Skim Pedagang Diluluskan (ATS).....	40
Barang Diimport ke dalam Kawasan Ditetapkan	40
Barang Dieksport	41
INVOIS CUKAI DAN PENYIMPANAN REKOD.....	41
Invois Cukai.....	41
Invois Cukai Lengkap	42
Invois Cukai Dipermudahkan.....	45
Penyata Jualan atau Invois dikeluarkan oleh Pelelong.....	48
Kehilangan atau Menyalahletakkan Invois Cukai	49
Invois Pro Forma	49
Invois dalam Mata Wang Asing	50
Lain-Lain Keadaan	50
Penyimpanan Rekod.....	51
NOTA KREDIT, NOTA DEBIT, PELEPASAN HUTANG LAPUK DAN PELARASAN....	52
Nota Kredit dan Nota Debit	53
Pelarasan berkaitan Pengeluaran Nota Kredit	53
Pelarasan berkaitan Pengeluaran Nota Debit	53
Pengeluaran Nota Kredit dan Nota Debit	53
Pelepasan Hutang Lapuk	54
Pelarasan oleh Pembekal.....	55
Pelarasan oleh Pelanggan	56
TEMPOH BERCUKAI, PENGEMUKAAN PENYATA DAN PEMBAYARAN CUKAI	56
Tempoh Bercukai	56
Asas Perakaunan.....	57
Penyata CBP.....	59

Mendapatkan Borang Penyata CBP	59
Tarikh Akhir mengemukakan Penyata CBP	59
Pengemukakan Penyata CBP	59
Notis taksiran CBP	60
Penyata Pindaan CBP	60
Penyata Akhir CBP	61
Pembayaran	61
Tarikh akhir pembayaran	61
Kaedah pembayaran	62
Tempat Pembayaran	62
Masa Pembayaran	62
Penalti Pembayaran Lewat	63
Pengisytiharan dan Pembayaran CBP oleh Bukan orang kena cukai	63
KREDIT CUKAI INPUT	64
Cukai Input	64
Mekanisme menuntut Cukai Input	64
Cukai Input Dibenarkan	65
Kriteria menuntut cukai input	65
Cukai Input disekat	66
Pembekalan Bersampingan Dikecualikan	69
Pembayaran balik cukai Input	70
Cukai Input berkaitan dengan Pendaftaran	71
(a) Pra penubuhan	71
(b) Pra Pendaftaran	72
(c) Pendaftaran Lewat	72
(d) Pembatalan Pendaftaran	73
(e) Pasca Pembatalan Pendaftaran	73
Cukai Input berkaitan Urusniaga Khas dan Skim Khas	74
(a) Pemindahan Perniagaan secara berterusan	74
(b) Usaha sama	74
(c) Skim Kadar Sama Rata	74
(d) Pasaran Modal	75
Cukai input berkaitan kegunaan sendiri	75
(a) Perbekalan yang digunakan oleh Pengarah atau staf	75

(b)	Produk Bersepadu Digunakan untuk Membuat Pembekalan Bercukai	76
(c)	Produk Bersepadu Digunakan untuk Membuat Bekalan Dikecualikan.....	76
	Cukai input berkaitan perubahan dalam penggunaan	77
(a)	Lebih potongan	77
(b)	Kurang tuntutan.....	77
	Cukai Input berkaitan Asas Perakaunan	77
(a)	Asas Invois.....	78
(b)	Asas Pembayaran.....	78
	Perubahan Asas Perakaunan.....	78
	PENGECUALIAN SEPARA.....	78
	Pengecualian separa	79
	Kaedah pengagihan	80
	Pelarasan tahunan	81
	Rukun deminis (De minimis rule)	81
	PELARASAN HARTA MODAL	81
	Skim Harta Modal.....	81
	Pelarasan	82
	Ketidakbolegunaan Pelarasan	82
	PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN.....	83
	Pembayaran balik	83
	Pembayaran balik untuk terlebih bayar atau terkhilaf bayar	83
	Skim Bayar Balik Pelancong	83
	Peremitan.....	85
	Peremitan oleh Menteri Kewangan.....	85
	Peremitan oleh Ketua Pengarah	85
	TRANSAKSI/LAYANAN KHAS.....	85
	E-perdagangan	85
	Baucar, Token dan Setem.....	86
	Baucar/Token	86
	Setem (selain setem pos).....	87
	Manfaat Pekerja	87
	Pertubuhan dan organisasi yang serupa.....	88

Badan Amal.....	89
Usaha Sama di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran.....	91
Penarikkan Balik	92
Pelelong	93
Ejen.....	93
Pelepasan barang terpakai	94
Skim Penggudangan	95
Skim Kadar Rata	96
Skim Pedagang Diluluskan	97
Skim Pengilang Tol Diluluskan.....	98
Skim Tukang Emas Diluluskan.....	99
Pasaran Modal	100
AUDIT AND TAKSIRAN	103
Objektif	103
Tempoh Masa Liputan Audit	104
Jenis Audit dalam CBP.....	104
(a) Audit Meja	104
(b) Audit Pembayaran Balik.....	104
(c) Audit Transaksi	104
(d) Audit Nasihat.....	104
(e) Audit Pematuhan.....	105
(f) Audit Pembatalan.....	105
(g) Audit Khas.....	105
(h) Audit Unit Pembayar Cukai Terbesar (LTU).....	105
Tempat Audit.....	105
Tanggungjawab Orang Kena Cukai	106
Taksiran	107
Kuasa untuk menaksir	107
Kaedah Penaksiran	108
Amaun cukai dan penalti tertunggak dan kena dibayar kepada Ketua Pengarah	108
KETETAPAN CBP	108
Ketetapan Umum	108
Ketetapan Awal	109

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN.....	110
Kajian Semula dan Semakan	110
Rayuan.....	110

PENGENALAN

Panduan Umum

1. Buku ini adalah Panduan Umum Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Ia merupakan sebahagian daripada beberapa siri bahan pendidikan yang disediakan bagi membantu perniagaan dan organisasi bersiap sedia untuk pelaksanaan CBP di Malaysia.

Panduan Lain Yang Berkaitan

2. Selain dari Panduan Umum CBP ini, panduan industri juga disediakan khusus untuk memberi panduan kepada perniagaan dan organisasi yang beroperasi di bawah industri tertentu.

Sumber Maklumat Lain

3. Maklumat CBP juga boleh diperolehi daripada senarai berikut:

(a) **Portal GST**

Perniagaan dan organisasi boleh juga memperolehi maklumat dan bahan pendidikan terkini mengenai CBP daripada Portal GST di gst.customs.gov.my.

(b) **Pusat Panggilan Kastam**

Sebagai alternatif, anda boleh membuat pertanyaan mengenai CBP dengan menghubungi talian 03-78067200, menghantar emel kepada ccc@customs.gov.my atau menghantar faks ke talian 03-78067599. Pusat Panggilan ini beroperasi daripada hari Isnin hingga Jumaat bermula 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

(c) **Unit GST**

Anda juga boleh menghubungi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) di alamat berikut:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Unit Cukai Barang dan Perkhidmatan
Aras 9 Selatan Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3 Persiaran Perdana,
Presint 2,
62596 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 603-88822111/88822420/88822522/88822802

Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi hingga 5.00 petang
Jumaat : 8.30 pagi hingga 12.15 petang
2.45 petang hingga 5.00 petang
(Kecuali cuti umum)

atau e-mel ke gst@customs.gov.my

(d) Pejabat Kastam

Anda juga boleh pergi ke mana-mana pejabat Kastam di seluruh Malaysia yang berdekatan dengan perniagaan atau organisasi anda membuat pertanyaan mengenai CBP.

SKOP CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

4. Seksyen ini akan menerangkan skop CBP di Malaysia. Skop CBP ini merangkumi perkara berikut: -

- (a) Apakah yang tertakluk kepada CBP?
- (b) Siapakah yang boleh mengenakan CBP?

Pengenaan Cukai

5. CBP dikenakan ke atas:-

- (a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai;

- (b) yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan;
- (c) oleh orang kena cukai;
- (d) di Malaysia.

6. CBP juga dikenakan dan dilevikan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia. Semua barang yang diimport kecuali yang ditetapkan sebagai berkadar sifar dan dikecualikan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Semua perkhidmatan diimport yang diperolehi bagi tujuan perniagaan adalah tertakluk kepada CBP. CBP bagi perkhidmatan diimport perlu dibayar oleh penerima perkhidmatan menggunakan kaedah mekanisme caj balikan.

Pembekalan Barang dan Perkhidmatan

7. Definisi pembekalan meliputi semua bentuk pembekalan yang mana barang dan perkhidmatan adalah diberi sebagai pulangan bagi suatu balasan. Balasan yang diterima boleh dalam bentuk bayaran wang atau pembayaran berupa barangan (barang dengan barang).

8. Pembekalan boleh dalam bentuk barang atau perkhidmatan. Pembekalan barang melibatkan pemindahan pemilikan barang dari seorang kepada seorang yang lain. Barang bermaksud apa-apa harta alih dan tak alih seperti mesin, kenderaan dan rumah. Sebagai contoh, seorang membekalkan barang jika dia memindahkan barang tersebut kekal daripada perniagaannya di bawah perjanjian jualan. Walau bagaimanapun, barang tidak termasuk wang.

9. Apa-apa yang bukan pembekalan barang adalah dianggap sebagai pembekalan perkhidmatan dan ini boleh termasuk pemindahan pemilikan barang dengan tiada niat untuk memindahkan pemilikan. Contoh pembekalan perkhidmatan adalah seperti berikut:-

- (a) pinjaman barangan;
- (b) menyewa barangan;

- (c) pembekalan perkhidmatan telekomunikasi;
- (d) perkhidmatan profesional.

10. Barang dan perkhidmatan boleh dibekalkan tanpa balasan. Dalam keadaan ini, transaksi tersebut boleh dianggap sebagai suatu pembekalan. Contohnya adalah pelupusan aset perniagaan tanpa balasan, hadiah yang bernilai melebihi lima ratus ringgit (RM500.00) dan penggunaan sendiri aset perniagaan.

(a) Pembekalan Bercukai

Pembekalan bercukai bermaksud apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan selain daripada pembekalan. Pembekalan bercukai terdiri daripada pembekalan berkadar standard atau berkadar sifar. Pembekalan berkadar standard adalah tertakluk kepada kadar cukai positif.

Pembekalan berkadar sifar adalah pembekalan bercukai yang tertakluk kepada kadar cukai sifar peratus (0%). Pembekal tidak memungut apa-apa CBP tetapi dianggap sebagai membuat pembekalan bercukai dan layak menuntut CBP yang ditanggung atas input. Pembekalan berkadar sifar disenaraikan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 20XX.

(b) Pembekalan Dikecualikan

Pembekalan dikecualikan bukan merupakan pembekalan bercukai. Pembekal pembekalan yang dikecualikan tidak boleh mengenakan CBP dan oleh itu tidak boleh menuntut pembayaran balik CBP ke atas input yang diperolehi. Pembekalan dikecualikan disenaraikan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 20XX.

Orang Kena Cukai

11. Seseorang termasuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, perbadanan, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau awam, persatuan, kelab, kesatuan sekerja, koperasi, pemegang amanah dan mana-mana badan

lain, organisasi, persatuan atau sekumpulan orang yang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan.

12. Orang kena cukai adalah orang yang berdaftar atau dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Orang kena cukai merupakan orang yang membuat pembekalan bercukai di Malaysia dan pendapatan tahunannya melebihi nilai ambang yang dicadangkan sebanyak RM500,000. Orang kena cukai tersebut perlu berdaftar di bawah Akta CBP. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, seseorang itu tidak dikehendaki mendaftar di bawah CBP tetapi beliau perlu mendaftar secara sukarela untuk CBP. Dalam keadaan ini, beliau juga adalah orang kena cukai.

Perniagaan

13. Perniagaan termasuklah apa-apa tred, perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain, sama ada untuk keuntungan wang atau tidak. Ini bermakna keuntungan kewangan bukanlah kriteria dalam menentukan status perniagaan.

14. Kriteria berikut boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti layak sebagai perniagaan untuk tujuan CBP:

- (a) Ia adalah satu usaha yang serius atau kerja yang bersungguh-sungguh dijalankan;
- (b) Ia diteruskan dengan kesinambungan yang munasabah atau dikenali;
- (c) Ia dijalankan dalam cara yang biasa dan pada bunyinya dan prinsip-prinsip perniagaan yang diiktiraf (sifat biasa perniagaan);
- (d) Ia kebanyakannya berkaitan dengan pembekalan untuk mendapatkan balasan; atau
- (e) Ia membuat pembekalan yang biasa dibuat oleh organisasi komersial.

15. Contoh aktiviti yang bukan perniagaan ialah pegangan saham, perkhidmatan yang disediakan di bawah kontrak perkhidmatan dan hobi. Penggajian di bawah kontrak perkhidmatan di mana wujudnya hubungan antara majikan / pekerja bukan merupakan

perniagaan. Apa-apa aktiviti yang dijalankan sebagai hobi yang tidak mencerminkan ciri-ciri perniagaan juga tidak dianggap sebagai perniagaan.

16. Walau bagaimanapun, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kelab, persatuan, perbadanan pengurusan atau organisasi-organisasi lain adalah dianggap sebagai aktiviti perniagaan. Kebenaran masuk seseorang ke mana-mana premis merupakan suatu balasan juga dianggap sebagai aktiviti perniagaan.

Dibuat di Malaysia

17. Pembekalan barang atau perkhidmatan hendaklah dibuat di Malaysia bagi membolehkan CBP dikenakan. Barang adalah dianggap sebagai dibekalkan di Malaysia jika barang itu berada di Malaysia atau dipindahkan dari suatu tempat di Malaysia. Perkhidmatan adalah dianggap sebagai dibekalkan di Malaysia sekiranya pembekalnya berada di Malaysia. CBP akan dikenakan ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di mana pembekalan itu dibuat di Malaysia. Pembekalan yang tidak dibuat di Malaysia adalah dianggap sebagai di luar skop CBP.

PENDAFTARAN CBP

18. Seksyen ini akan menjelaskan kepada anda mengenai keperluan berkaitan dengan pendaftaran CBP. Ia akan membantu anda membuat keputusan sama ada anda dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta CBP.

Tanggungjawab Untuk Berdaftar

19. Seseorang adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah CBP jika dia membuat pembekalan bercukai di mana perolehan bercukai tahunannya melebihi RM 500,000.

Perolehan Bercukai

20. Perolehan bercukai bermaksud jumlah nilai pembekalan bercukai tidak termasuk amaun CBP.

Pengiraan Pembekalan Bercukai Untuk Pendaftaran CBP

21. Pembekalan bercukai hendaklah dikira atas kesemua pembekalan bercukai (pembekalan berkadar standard dan berkadar sifar) yang dibuat oleh mana-mana orang, bagi tempoh dua belas bulan tidak termasuk nilai:

- (a) pelupusan aset harta modal;
- (b) perkhidmatan diimpot; dan
- (c) Pembekalan yang tidak diambil kira yang dibuat berkaitan dengan Skim Penggudangan atau pembekalan yang tidak diambil kira yang dibuat didalam atau diantara kawasan yang ditetapkan.

22. Nilai pembekalan bercukai untuk diambil kira bagi menentukan perolehan bercukai adalah seperti berikut:-

Kategori Orang	Perolehan Bercukai
Syarikat	Semua nilai pembekalan bercukai yang dibuat oleh syarikat.
Syarikat yang mempunyai bahagian atau cawangan	Semua nilai pembekalan bercukai dari semua bahagian dan cawangan.
Pemilik tunggal/ individu	Semua nilai pembekalan bercukai perniagaannya.
Perkongsian	Semua nilai pembekalan bercukai oleh perkongsian itu.
Orang kena cukai tunggal	Semua nilai pembekalan bercukai bagi semua entiti perniagaan yang berdaftar sebagai orang kena cukai tunggal.
Syarikat usaha sama	Semua nilai pembekalan bercukai yang dibuat oleh syarikat usaha sama itu.


Penentuan Tempoh Dua Belas Bulan

23. Penetapan nilai jualan tahunan bercukai bagi tempoh dua belas (12) bulan, boleh ditentukan berdasarkan kepada kaedah kebelakang atau kaedah hadapan.

(a) Kaedah Kebelakang

Kaedah kebelakang adalah berdasarkan nilai pembekalan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan nilai pembekalan bercukai bagi sebelas (11) bulan sebaik sahaja sebelum bulan tersebut. Penentuan ini dijelaskan seperti di dalam **Gambarajah 1**.

Gambarajah 1: Kaedah Kebelakang




Pada akhir Mei 2015, nilai pembekalan bercukai bagi bulan Mei ialah RM100,000 dan nilai pembekalan bercukai bagi sebelas (11) bulan kebelakang (dari Jun 2014 hingga April 2015) ialah RM400,200. Jumlah nilai (jualan bercukai tahunan) kesemua pembekalan bercukai ialah RM 500,200. Nilai jualan bercukai tersebut telah melebihi nilai ambang bermula dari 1 Jun 2015 dan perniagaan itu adalah bertanggung jawab untuk berdaftar di bawah CBP dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh tersebut.

(b) Kaedah Hadapan

Bagi kaedah hadapan, perolehan bercukai adalah berdasarkan nilai pembekalan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan nilai pembekalan bercukai yang dijangka bagi sebelas (11) bulan sebaik selepas bulan tersebut. Penentuan ini dijelaskan seperti di dalam **Gambarajah 2**.

Gambarajah 2: Kaedah Hadapan




Jika pada akhir Jun 2015, nilai pembekalan bercukai bagi bulan Jun 2015 ialah RM100,000 dan pembekalannya bagi sebelas (11) bulan sebelumnya (dari Julai 2014 hingga Mei 2015) tidak mencapai nilai ambang, beliau hendaklah melihat kepada nilai jualan pembekalan bercukai yang dijangkakan daripada Julai 2015 hingga Mei 2016. Oleh kerana pembekalan bercukainya pada bulan Jun 2015 ialah RM100,000 dan jika dia menjangka dengan munasabahnya bahawa nilai jaluannya bagi sebelas (11) bulan berikutnya (daripada Julai 2015 hingga Mei 2016) akan melebihi RM400,000, maka beliau adalah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah CBP dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari akhir bulan Jun 2015.

Tarikh Kuat Kuasa Bagi Pendaftaran Wajib

24. Tarikh berkuat kuasa pendaftaran wajib adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas tamat tempoh beliau dikehendaki untuk memaklumkan tanggungannya untuk berdaftar. Tarikh kuat kuasa pendaftaran boleh dikebelakangkan atas permintaan. Bagaimana pun, ia tidak boleh lebih awal daripada tarikh seseorang itu sepatutnya berdaftar. Tarikh kuat kuasa pendaftaran wajib yang lewat adalah pada tarikh permohonan pendaftaran tersebut dibuat.

Contoh 1



Pendaftaran Secara Sukarela

25. Seseorang boleh memohon untuk berdaftar secara sukarela walaupun nilai pembekalan bercukai tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan (RM500,000). Seseorang boleh didaftarkan jika beliau berniat untuk membuat apa-apa pembekalan bercukai dengan syarat beliau boleh memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa beliau komited untuk menjalankan perniagaan dengan mengemukakan dokumen berikut:--

- (a) butiran perancangan perniagaan (pelan perniagaan, kilang, lokasi);
- (b) salinan kontrak untuk penubuhan premis seperti sewaan premis / pembinaan saluran paip / pembelian kelengkapan;
- (c) butiran sesuatu paten;
- (d) butiran perolehan perniagaannya; atau
- (e) keterangan dkumentari lain.

26. Walau bagaimanapun, jika seseorang yang membuat pembekalan di luar skop beliau boleh dibenarkan untuk didaftarkan di bawah CBP tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah.

27. Seseorang yang berdaftar secara sukarela di bawah CBP hendaklah kekal berdaftar sekurang-kurangnya bagi tempoh dua (2) tahun.

28. Mana-mana orang yang pada mulanya didaftarkan untuk membuat atau berniat untuk membuat pembekalan di luar Malaysia yang menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia dan kemudiannya berhasrat atau membuat pembekalan bercukai di Malaysia juga dikehendaki memaklumkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya hasrat untuk membuat pembekalan bercukai di Malaysia.

Pendaftaran Bagi Permindahan Usaha Berterusan (TOGC)

29. Jika pemindahan keseluruhan perniagaan dianggap sebagai satu pemindahan usaha berterusan (TOGC), maka penerima pindahan wajib memohon untuk pendaftaran

dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh pemindahan berlaku. Pemindahan perniagaan dianggap sebagai pemindahan usaha berterusan jika:-

- (a) pemindah adalah orang kena cukai;
- (b) penerima pindahan mestilah orang kena cukai atau akan menjadi orang kena cukai serta-merta selepas berlakunya pemindahan perniagaan;
- (c) pemindahan perniagaan mesti diiringi dengan pemindahan aset perniagaan dan akan digunakan dalam menjalankan jenis perniagaan yang sama ; dan
- (d) jika hanya sebahagian daripada perniagaan hendak dipindahkan, maka sebahagian itu berkebolehan untuk beroperasi secara berasingan.

Tarikh Kuat Kuasa Pendaftaran Dan Pembatalan Pendaftaran *TOGC*

30. Tarikh berkuatkuasa pendaftaran *TOGC* adalah pada tarikh pemindahan. Orang kena cukai (pemindah) wajib memohon untuk pembatalan pendaftarannya sekiranya beliau berhenti membuat pembekalan bercukai atau berhenti berniaga setelah perniagaannya dipindahkan.

Pendaftaran Orang Yang Membuat Pembekalan Berkadar Sifar

31. Orang yang membuat pembekalan berkadar sifar sepenuhnya mesti berdaftar dengan CBP jika nilai perolehan bercukai tahunan melebihi nilai ambang RM500,000. Beliau, bagaimanapun boleh memohon untuk dikecualikan daripada pendaftaran tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah. Kesan daripada pengecualian pendaftaran kepada orang yang membuat pembekalan berkadar sifar sepenuhnya ialah orang yang dikecualikan tidak boleh membuat tuntutan kredit cukai input ke atas semua cukai input yang ditanggung dalam menjalankan perniagaannya. Rasional pemberian pengecualian sedemikian adalah untuk memberi pilihan kepada seseorang itu sama ada untuk berdaftar atau tidak di bawah CBP oleh kerana kemungkinan kos pematuhan boleh melebihi faedah mendapat tuntutan kredit cukai input.

Pendaftaran Ejen

32. Pendaftaran seseorang ejen di bawah CBP adalah seperti di bawah:-

Keadaan	Penentuan Perolehan Kena Cukai	Tangungan Untuk Mendaftar
1. Ejen bertindak atas namanya sendiri	nilai pembekalan bercukai yang dibuat olehnya (termasuk komisen ejen yang diterimanya)	Daftar jika melebihi nilai ambang
2. Ejen bertindak bagi pihak prinsipal tempatan	komisen ejen yang diterima (tidak termasuk nilai pembekalan bercukai bagi pihak principal tempatan)	Daftar jika melebihi nilai ambang
3. Ejen bertindak atas namanya sendiri dan bagi pihak prinsipal tempatan	nilai pembekalan bercukai yang dibuat di bawah namanya, dan komisen ejen yang diterima (tidak termasuk nilai pembekalan bercukai bagi pihak principal tempatan)	Daftar jika melebihi nilai ambang
4. Ejen bertindak bagi pihak bukan pemastautin	<p><u>Situasi 1</u> nilai pembekalan bercukai yang dibuat di bawah namanya, dan komisen ejen yang diterima (tidak termasuk nilai pembekalan bercukai bagi pihak bukan pemastautin).</p> <p><u>Situasi 2</u> nilai pembekalan bercukai yang dibuat di bawah namanya dibawah nilai ambang tetapi nilai bekaln bercukai yang dibuat oleh bukan pemastautin di Malaysia melebihi nilai ambang.</p>	<p><u>Situasi 1</u> Daftar jika melebihi nilai ambang Bukan pemastautin tidak perlu didaftarkan.</p> <p><u>Situasi 2</u> ejen didaftarkan di bawah nama bukan pemastautin oleh kerana bukan pemastautin tidak dikehendaki berdaftar dibawah Akta CBP. Tanggungan CBP bukan pemastautin adalah dipertanggung jawabkan ke atas ejen.</p>

Keadaan	Penentuan Perolehan Kena Cukai	Tanggungan Untuk Mendaftar
	<p><u>Situasi 3</u> nilai pembekalan bercukai yang dibuat di bawah namanya melebihi nilai ambang dan nilai bekalan bercukai yang dibuat oleh bukan pemastautin di Malaysia juga melebihi nilai ambang.</p>	<p><u>Situasi 3</u> Ejen didaftarkan di bawah namanya sendiri dan juga didaftarkan bagi pihak bukan pemastautin.</p>

Untuk penerangan lanjut berkenaan ejen, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Ejen*.

Pendaftaran Pertubuhan Atau Organisasi Yang Serupa

33. Pertubuhan, organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan, badan kebajikan atau koperasi dikehendaki untuk didaftarkan jika pembekalan keatas barang dan perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

Orang	Pembekalan	Tanggungan
<p>Pertubuhan, organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan, badan kebajikan, koperasi</p>	<p>pembekalan barang dan perkhidmatan untuk tujuan perniagaan</p>	<p>daftar sekiranya nilai perolehan bercukai melebihi nilai ambang</p>

Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Pertubuhan atau Organisasi Yang Serupa*.

Wakil Peribadi

34. Wakil peribadi ialah seseorang yang telah dilantik bagi menjalankan aktiviti perniagaan bagi pihak orang kena cukai yang telah meninggal dunia, berada di bawah likuidasi atau penerimaan, menjadi bankrap atau tidak lagi berupaya sehingga seorang lain didaftarkan bagi perniagaan tersebut atau dalam kes ketidak upaya, sehingga masa ketidak upaya itu terhenti.

35. Wakil peribadi boleh menjadi seorang wasi, pelikuidasi, penerima, pemegang amanah, pentadbir, atau mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa untuk menguruskan perniagaan orang tak berkeupayaan atau meninggal dunia. Seorang wakil peribadi tidak dikehendaki untuk memohon pendaftaran baru tetapi beliau mesti memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang GST-Admin 7 dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pelantikan sebagai wakil peribadi.

Pendaftaran Kumpulan

36. Pendaftaran kumpulan adalah satu kemudahan yang membenarkan dua atau lebih syarikat yang berkaitan untuk berdaftar sebagai satu kumpulan. Prasyarat untuk pendaftaran kumpulan adalah:-

- (a) setiap syarikat hendaklah membuat pembekalan bercukai sepenuhnya. Bagaimanapun, di mana syarikat membuat pembekalan sampingan yang dikecualikan, syarikat tersebut juga dibenarkan menjadi anggota kumpulan;
- (b) setiap syarikat hendaklah didaftarkan secara individu sebelum mereka mendaftar sebagai satu kumpulan.
- (c) syarikat-syarikat yang mempunyai kuasa mengawal ke atas syarikat-syarikat lain dan mempunyai pegangan saham melebihi 50%; dan
- (d) anggota kumpulan tidak boleh menjadi anggota kepada kumpulan lain.

Permohonan Untuk Pendaftaran Kumpulan

37. Permohonan untuk pendaftaran kumpulan boleh dibuat dengan melengkapkan dan mengemukakan borang yang ditetapkan GST-02. Permohonan boleh dikemukakan secara elektronik atau menyerahkan borang secara manual kepada stesen kastam yang terdekat. Anggota kumpulan hendaklah mengemukakan borang permohonan dan setiap anggota hendaklah mencalonkan seorang anggota untuk menjadi anggota wakil di dalam borang permohonan tersebut. Sebarang surat-menyurat berhubung pendaftaran kumpulan hendaklah dialamatkan kepada anggota wakil. Pendaftaran suatu kumpulan hendaklah atas nama anggota wakil itu.

38. Pendaftaran kumpulan akan dibenarkan tanpa mengambil kira jenis pembekalan bercukai yang dibuat oleh syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama dengan syarat syarikat-syarikat tersebut membuat pembekalan bercukai sepenuhnya.

39. Syarikat bersekutu atau gabungan, perkongsian atau individu tidak layak menjadi anggota kumpulan. Bagaimanapun, syarikat yang dikawal oleh mana-mana syarikat bersekutu atau gabungan, individu atau perkongsian boleh mendaftar sebagai satu kumpulan.

40. Syarikat-syarikat asing yang tidak diperbadankan di Malaysia tidak boleh menjadi anggota suatu kumpulan. Bagaimanapun, bagi tujuan kelayakan untuk pendaftaran kumpulan, subsidiari atau cawangan mereka yang berdaftar di Malaysia boleh dianggap sebagai anggota suatu kumpulan. Syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia dibenarkan menjadi anggota suatu kumpulan walaupun mereka membuat pembekalan bercukai di luar Malaysia.

41. Syarikat yang dikawal oleh syarikat asing layak menjadi anggota suatu kumpulan jika syarikat tersebut berdaftar di bawah CBP dan membuat pembekalan bercukai sepenuhnya, dan ia bukan anggota kepada kumpulan lain.

Layanan Keatas Pembekalan Antara Syarikat Di Bawah Pendaftaran Kumpulan

42. Caj antara syarikat ke atas pembekalan di antara anggota kumpulan akan tidak diambil kira. Bagaimanapun, pembekalan daripada mana-mana anggota kumpulan kepada syarikat yang bukan anggota kumpulan adalah dianggap pembekalan di bawah CBP dan tertakluk kepada CBP.

Orang Kena Cukai Tunggal

43. Orang kena cukai tunggal bermaksud dua atau lebih entiti perniagaan yang mana diarah oleh Ketua Pengarah untuk didaftar di bawah satu nombor pendaftaran. Dua atau lebih entiti perniagaan boleh diklasifikasikan sebagai orang kena cukai tunggal apabila mereka mengasingkan aktiviti perniagaan secara dibuat-buat bagi tujuan mengelakkan cukai. Semua orang yang dinamakan dalam arahan oleh Ketua Pengarah hendaklah berdaftar di bawah satu nombor pendaftaran dan mereka boleh secara bersesama

mencalonkan nama untuk digunakan bagi pendaftaran orang kena cukai tunggal dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh arahan tersebut. Jika gagal berbuat demikian, pendaftaran akan dinamakan seperti dinyatakan dalam arahan. Tarikh tanggungan bagi pendaftaran orang kena cukai tunggal adalah tarikh seperti yang dinyatakan dalam arahan.

Usaha Sama

44. Pendaftaran usaha sama bagi tujuan CBP hanya terpakai kepada aktiviti petroleum hulu di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC). Bagaimanapun, semua pengusaha perlulah berdaftar secara individu terlebih dahulu sebelum usaha sama di bawah CBP boleh dipertimbangkan. Semua pengusaha hendaklah didaftarkan secara individu sebelum pendaftaran usaha sama boleh dipertimbangkan.

45. Permohonan untuk mendaftar usaha sama hendaklah dibuat didalam borang GST-02 dan GST-02A tidak kurang dari sembilan puluh (90) hari sebelum bermulanya operasi usahasama.

46. Pengusaha hendaklah mencalonkan seorang daripada pengusaha atau melantik sebuah Syarikat Operasi Bersama (JOC) untuk menjadi pengendali usaha. Pendaftaran usaha sama akan berada di atas nama pengendali usaha dan ia diperlukan untuk mengendalikan akaun yang berasingan bagi usaha sama. Jika terdapat sebarang perubahan dalam usaha sama contohnya, kemasukan atau penyingkiran mana-mana pengusaha, pengendali usaha perlu memaklumkan kepada Kastam tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh perubahan tersebut.

Pendaftaran Cawangan Atau Bahagian

47. Seseorang orang berdaftar yang mempunyai cawangan atau bahagian boleh memohon untuk mendaftarkan cawangan atau bahagian berasingan di bawah nama cawangan atau bahagian mereka. Pendaftaran cawangan atau bahagian boleh dipertimbangkan sekiranya:

- (a) orang berdaftar dan semua cawangan atau bahagian membuat pembekalan bercukai sepenuhnya;

- (b) orang berdaftar itu bukan anggota sesuatu kumpulan;
- (c) ia adalah sukar untuk mengemukakan satu penyata tunggal bagi semua cawangan atau bahagian;
- (d) setiap cawangan atau bahagian mengekalkan akaun berasingan;
- (e) cawangan atau bahagian yang dikenal pasti secara berasingan merujuk kepada sifat perniagaan atau lokasi;
- (f) setiap cawangan atau bahagian didaftarkan secara berasingan mempunyai tempoh bercukai yang sama.

48. Permohonan bagi pendaftaran cawangan atau bahagian perlu dibuat oleh orang yang berdaftar menggunakan borang GST-01.

Tanggungjawab Sebagai Orang Berdaftar

49. Orang berdaftar mesti memenuhi kehendak yang diperuntukkan di bawah perundangan CBP seperti berikut:-

- (a) Mengakaunkan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibuat dan diterima;
- (b) Mengemukakan penyata CBP dan membayar cukai sebelum tarikh tamat tempoh;
- (c) Mengeluarkan invois cukai ke atas apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah;
- (d) Memaklumkan kepada Kastam mengenai penamatan perniagaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh penamatan perniagaan;
- (e) Memaklumkan kepada Kastam apa-apa perubahan alamat, aktiviti bercukai, asas perakaunan dan tempoh bercukai; dan

- (f) Menyimpan rekod transaksi perniagaannya yang mencukupi berkaitan dengan CBP dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris selama tempoh tujuh (7) tahun.

Permohonan Pendaftaran CBP

50. Permohonan untuk pendaftaran boleh dibuat dengan melengkapkan dan mengemukakan borang GST-01. Permohonan boleh dibuat secara elektronik atau mengemukakan secara manual ke pejabat kastam yang terdekat. Borang pendaftaran boleh didapati dari pejabat kastam yang terdekat atau secara elektronik daripada portal atau laman sesawang CBP. Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perniagaan atau pendaftaran syarikat hendaklah dikemukakan diatas permintaan. Pejabat kastam akan mengeluarkan surat kelulusan bersama dengan nombor pendaftaran kepada pemohon bagi tujuan CBP contohnya, untuk penyerahan penyata CBP, pembayaran, surat menyurat dan sebagainya dan juga satu nombor pengenalan (ID) bagi pemohon yang memilih menggunakan perkhidmatan secara elektronik.

Tamat Pendaftaran

Tanggungjawab Pendaftaran Akan Berakhir

51. Tanggungjawab berakhir bagi pendaftaran mandatori adalah apabila seseorang:
- (a) berhenti membuat pembekalan bercukai;
 - (b) tidak lagi berniat membuat pembekalan bercukai;
 - (c) berhenti membuat atau tidak lagi berniat membuat pembekalan di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia; atau
 - (d) nilai pembekalan bercukai bagi tempoh dua belas (12) bulan yang berikutnya tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan iaitu perolehan bercukai bagi tempoh dua belas (12) bulan akan datang tidak melebihi nilai ambang pendaftaran.

52. Untuk menentukan sama ada perolehan bercukai bagi tempoh dua belas(12) bulan akan datang akan melebihi nilai ambang pendaftaran atau sebaliknya, orang berdaftar itu juga diperlukan untuk menentukan jumlah perolehan bercukai bagi dua belas bulan ke belakang.

Pemberitahuan Pemberhentian Tanggungan Pendaftaran

53. Orang berdaftar yang telah tamat perniagaan atau berhenti membuat pembekalan bercukai adalah dikehendaki memaklumpkannya kepada Kastam dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kejadian.

54. Orang berdaftar yang telah memberitahu pemberhentian tanggungan pendaftaran perlu terus memenuhi obligasinya sebagai orang berdaftar iaitu untuk mengenakan CBP dan menghantar penyata CBP, sehingga tarikh pembatalan pendaftaran CBPnya diluluskan berkuat kuasa.

Pembatalan Pendaftaran

55. Orang berdaftar boleh memohon untuk membatalkan pendaftarannya jika liabiliti untuk didaftarkan telah terhenti. Pendaftaran mana-mana orang juga boleh dibatalkan oleh Kastam sekiranya didapati orang tersebut tidak bertanggungjawab atau layak untuk didaftarkan.

56. Permohonan bagi pembatalan pendaftaran boleh dibuat dengan melengkapkan dan mengemukakan borang GST-Adm4 sama ada secara elektronik atau secara manual ke pejabat Kastam terdekat.

Maklumat Umum

57. Orang berdaftar hendaklah memaklumkan pejabat Kastam dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlaku sebarang perubahannya.

58. Seseorang yang kena didaftarkan tetapi gagal untuk memohon pendaftaran CBP dikehendaki serta-merta memohon untuk pendaftaran. Cukai kena dibayar akan dipungut bagi tempoh tidak melebihi enam (6) tahun daripada tarikh kuat kuasa pendaftaran.

Penalti pendaftaran lewat yang tidak melebihi dua puluh lima peratus akan dikenakan ke atas cukai yang belum dibayar.

59. Jika seseorang itu enggan untuk didaftarkan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia lima puluh ribu (RM50,000) atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

60. Seseorang yang tidak dikehendaki berdaftar tidak dibenarkan mengenakan dan memungut CBP. Beliau hanya boleh mengenakan dan memungut CBP setelah dia berdaftar secara sukarela.

PEMBEKALAN

61. Seksyen ini menerangkan tentang tempat pembekalan, nilai pembekalan dan masa pembekalan untuk barang atau perkhidmatan.

Tempat pembekalan

62. Tempat pembekalan barang atau perkhidmatan adalah tempat di mana pembekalan dibuat atau dianggap sebagai dibuat. Pembekalan barang atau perkhidmatan termasuk dalam skop CBP dan oleh itu boleh dikenakan CBP jika tempat pembekalannya adalah di Malaysia. Pembekalan yang dibuat di luar Malaysia dianggap sebagai di luar skop CBP.

63. Bagi tujuan CBP, Malaysia termasuklah wilayah-wilayah di dalam Persekutuan Malaysia, kawasan perairan dan dasar laut dan tanah kawasan perairan itu.

64. Terdapat kaedah berasingan bagi menentukan tempat pembekalan barang dan tempat pembekalan perkhidmatan.

Pembekalan barang

65. Tempat pembekalan barang adalah di Malaysia jika pembekalan melibatkan barang yang dipindah:-

- (a) dari suatu lokasi di Malaysia ke suatu lokasi yang lain di Malaysia; atau
- (b) dari suatu lokasi di Malaysia ke suatu lokasi di luar Malaysia.

66. Para (b) di atas adalah berkaitan dengan pengeksporan barang. Pengeksporan barang adalah dianggap pembekalan yang dibuat di Malaysia. Bagaimanapun, pengeksporan barang ialah pembekalan berkadar sifar.

67. Sebagitu juga, tempat pembekalan barang ialah di luar Malaysia jika melibatkan barang yang dipindah:-

- (a) dari satu lokasi di luar Malaysia ke satu lokasi lain di luar Malaysia; atau
- (b) dari satu lokasi di luar Malaysia ke satu lokasi di Malaysia.

68. Para 67(b) adalah berkaitan dengan pengimportan barang. Walaupun tempat pembekalan di luar Malaysia, barang tersebut adalah tertakluk kepada CBP apabila diimport kecuali pengimportan dilakukan secara penggantungan atau pelepasan.

Pembekalan perkhidmatan

69. Tempat pembekalan perkhidmatan adalah dianggap seperti di negara di mana pembekal itu berada. Oleh itu, pembekalan perkhidmatan adalah dianggap sebagai dibuat di Malaysia jika pembekal itu berada di Malaysia.

70. Seorang pembekal berada di Malaysia di dalam keadaan-keadaan berikut:-

- (a) ia mempunyai suatu establismen perniagaan atau establismen tetap yang lain di Malaysia dan tiada establismen sedemikian ditempat lain;
- (b) ia tidak mempunyai establismen perniagaan atau tetap di mana-mana, tetapi negara yang merupakan tempat tinggal biasanya atau ditubuhkan secara sah (jika sebuah syarikat) adalah Malaysia; atau
- (c) ia mempunyai establismen perniagaan yang tetap di Malaysia dan di tempat lain dan negara di mana establismennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu adalah di Malaysia.

71. Establismen perniagaan bermaksud tempat utama perniagaan pembekal dan kebiasaannya ia adalah ibu pejabatnya.

72. Establishmen tetap adalah suatu establishmen selain daripada establismen perniagaan di mana aktiviti perniagaan dijalankan. Ia termasuk cawangan atau agensi melalui mana pembekal menjalankan perniagaannya di Malaysia.

73. Jika seorang pembekal berada di Malaysia, setiap pembekalan perkhidmatan yang disediakan olehnya adalah dalam skop CBP. CBP boleh dikenakan jika pembekalan itu adalah pembekalan bercukai.

Caj Kebalikan

74. Pembekal yang tidak berada di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya di Malaysia tidak perlu mengenakan CBP. Bagaimanapun pelanggan yang menerima perkhidmatan itu untuk tujuan menjalankan perniagaannya dikehendaki untuk mengakaunkan CBP melalui mekanisme caj kebalikan. Untuk keterangan lanjut mengenai mekanisme caj kebalikan, sila rujuk perenggan 93 untuk Pengimportan Perkhidmatan.

Nilai pembekalan

75. Nilai pembekalan adalah nilai yang akan dikenakan CBP. Amaun CBP adalah nilai pembekalan ini didarab dengan kadar cukai.

76. Balasan untuk pembekalan bergantung kepada pulangan yang diperolehi kepada pembekalan itu. Balasan adalah apa-apa bentuk pembayaran samada wang atau barangan atau dalam kedua-duanya wang dan barangan.

77. Bagi barang yang diimport, nilai pembekalan termasuklah duti kastam dan duti eksais yang dibayar atau kena dibayar, yang mana berkaitan.

Balasan

78. Kaedah penilaian yang betul untuk digunakan bergantung ke atas mengenalpasti dengan betul balasan diberikan bagi suatu pembekalan. Suatu pembekalan hendaklah dinilai setelah dapat ditentukan apakah balasan untuk pembekalan tersebut.

Pembekalan bagi balasan wang

79. Kaedah penilaian umum adalah terpakai dalam keadaan di mana pembekalan adalah untuk suatu balasan yang keseluruhannya wang. Dalam hal sedemikian, nilai bagi tujuan CBP adalah harga yang dibayar atau kena dibayar tidak termasuk CBP. Nilai yang telah ditambah nilai CBP yang dikenakan adalah bersamaan dengan balasan.

80. Di bawah kaedah ini, nilai bagi tujuan CBP adalah sebahagian daripada balasan yang mana, apabila ditambah dengan CBP, memberi suatu jumlah yang bersamaan dengan balasan itu. Elemen CBP bagi balasan yang telah ditambah CBP ditentukan dengan mendarabkan balasan itu dengan pecahan CBP, iaitu 3/53 (kadar CBP adalah 6%).

Contoh 2

Barang yang tertakluk kepada CBP berkadar standard dijual secara tunai berjumlah RM104

Elemen CBP ialah $3/53 \times RM104 = RM5.89$

Nilai bagi tujuan CBP ialah RM98.11 (RM104 – RM5.89) dan balasan ialah RM104.

Pembekalan bagi balasan bukan wang (dalam bentuk barangan)

81. Jika suatu pembekalan dibuat untuk balasan dalam bentuk barangan, maka nilai hendaklah nilai pasaran terbuka balasan itu tidak termasuk cukai yang dikenakan.

Contoh 3

Seorang pelanggan membeli sebuah pencetak dan bayaran kepada penjual dibuat dalam bentuk barangan iaitu sebuah komputer terpakai. Nilai pasaran terbuka komputer terpakai tersebut adalah RM260.

Oleh itu, nilai pencetak itu adalah nilai pasaran terbuka komputer terpakai tersebut tidak termasuk cukai yang dikenakan iaitu RM245.28 (RM260 x 100/106).

Pembekalan bagi balasan sebahagiannya wang dan sebahagiannya dalam bentuk barangan

82. Jika suatu pembekalan dibuat bagi balasan sebahagiannya wang dan sebahagiannya dalam bentuk barangan, nilai pembekalan itu adalah agregat balasan itu dalam wang dan dalam nilai pasaran terbuka barangan tersebut.

Contoh 4

Seorang peniaga menukar sebuah kereta baru dengan tunai RM62,400 dan sebuah kereta terpakai (nilai pasaran terbuka ialah RM35,360), nilai pembekalan adalah dikira seperti berikut:

$$\text{Nilai} = 100/106(\text{RM}62,400 + \text{RM}35,360) = \text{RM}92,226.42$$

Nota: Nilai pasaran terbuka dianggap sebagai termasuk CBP.

Pembekalan yang dibuat tanpa balasan

83. Jika pembekalan dibuat tanpa balasan, nilai bagi tujuan CBP adalah berdasarkan kepada nilai pasaran terbuka pembekalan tersebut.

Contoh 5

Seorang penjual telefon menjual sebuah Blackberry dengan harga RM2,080 termasuk CBP. Dia memberi Blackberry kepada pelanggan tetapnya secara percuma. Nilai Blackberry percuma ini adalah RM1,962.26 (100/106 x RM2,080).

Untuk maklumat lanjut bagi nilai pasaran terbuka sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Nilai Pembekalan*.

Nilai bagi barang yang diimport

84. Nilai bagi barang yang diimport ialah agregat bagi yang berikut:-

- (a) nilai yang ditentukan bagi maksud kastam;
- (b) duti kastam yang dibayar atau kena dibayar (jika ada); dan
- (c) duti eksais yang dibayar atau kena dibayar (jika ada).

Kastam akan mengenakan CBP ke atas nilai di atas.

Kaedah Penilaian Khas

85. Kaedah penilaian khas adalah terpakai dalam keadaan berikut:-

- (a) Satu balasan bagi pembekalan dengan pelbagai tanggungan.

Contoh 6

Item berkadar standard atau item berkadar sifar, atau item berkadar standard dan dikecualikan dijual bagi satu balasan sahaja. Nilai di antara dua pembekalan itu perlu diagihkan bagi menentukan tanggungan CBP.

- (b) Keadaan-keadaan lain termasuklah pengimportan perkhidmatan (dalam keadaan di mana tiada bayaran dibuat) dan pembekalan barang bercukai dari Gudang Pengilangan Berlesen atau Zon Perindustrian Bebas.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Nilai Pembekalan*.

Masa pembekalan

86. Masa pembekalan adalah waktu di mana satu-satu pembekalan barang atau perkhidmatan dikira telah dilakukan. Adalah penting untuk menentukan masa pembekalan kerana orang kena cukai perlu mengenakan CBP pada masa pembekalan dibuat. Seterusnya ia akan mengakaunkan CBP bagi tempoh bercukai yang mana masa pembekalan telah berlaku melainkan ia dibenarkan untuk mengakaunkan CBP di bawah asas pembayaran.

87. Ada beberapa kaedah umum untuk menentukan masa pembekalan. Bagaimanapun, dalam beberapa keadaan dan situasi tertentu terdapat kaedah masa

pembekalan khas untuk diguna pakai. Amatlah penting untuk diambil perhatian bahawa di mana terdapat kaedah masa pembekalan khusus ia akan mengatasi masa pembekalan umum.


Kaedah masa pembekalan umum

88. Secara umum, masa cukai asas (*basic tax point*) ialah apabila:

- a) barang dialihkan atau pada masa barang itu tersedia kepada pelanggan; atau
- b) perkhidmatan telah dilaksanakan.

89. Masa pembekalan barang berlaku apabila barang dialihkan atau jika barang tidak dialihkan, masa pembekalannya adalah apabila barang itu tersedia kepada pelanggan.


Contoh 7



Axis Laundry Sdn. Bhd. menempah 10 mesin basuh daripada Omni Electrical Sdn. Bhd. pada 28 Disember 2015 dan menerima penghantaran mesin basuh pada 6 Januari 2016. Masa cukai asas adalah 6 Januari 2016 iaitu apabila barang dialihkan untuk jual.

90. Dalam keadaan pembekalan perkhidmatan, masa pembekalan adalah apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Perkhidmatan dikira sebagai “telah dilaksanakan” apabila kerja telah dilakukan atau telah diselesaikan oleh pembekal perkhidmatan.

Contoh 8



Feroz memiliki firma audit. Kebiasaannya bermula Jun, Feroz perlu mengaudit Meiji & Co dan menyediakan laporan audit. Audit bermula pada 15 Jun 2015. Pada 1 Julai 2015, Feroz telah menyiapkan laporan dan menghantar kepada Meiji & Co iaitu perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan. Dalam kes ini, masa cukai asas adalah 1 Julai 2015 iaitu tarikh akhir audit apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.


Pengecualian kepada Kaedah Umum

91. Kaedah masa pembekalan spesifik bagi keadaan tertentu adalah seperti berikut:-

(a) Invois cukai dikeluarkan atau pembayaran diterima sebelum masa cukai asas

Jika seorang pembekal mengeluarkan invois cukai atau menerima mana-mana pembayaran sebelum masa pembekalan yang disebutkan di perenggan 89 di atas, masa pembekalan bagi amaun yang diinvois atau pembayaran diterima adalah tarikh invois dikeluarkan atau amaun pembayaran diterima, yang mana terdahulu.


Contoh 9



A menjual dan menghantar sebuah alat kepada B pada 18 Disember 2015. Harga alat tersebut adalah RM1,000. A telah mengeluarkan invoice cukai beramaun RM1,060 kepada B pada 2 Oktober 2015. B pula membayar sejumlah RM832 pada 6 November 2015 sebagai sebahagian pembayaran dan bakinya pada 5 Disember 2015.

Masa pembekalan untuk CBP yang perlu dibayar sejumlah RM60 ($6/106 \times RM1,060$) adalah pada 2 Oktober 2015 tanpa mengambil kira apa-apa pembayaran yang diterima oleh A atau yang akan diterima selepas 2 Oktober 2015.

Contoh 10



A menjual dan menghantar sebuah alat kepada B pada 18 Disember 2015. Harga alat tersebut ialah RM1,000 dan CBP sejumlah RM60. A telah menerima RM832 sebagai sebahagian pembayaran dari B pada 2 Oktober 2015 dan baki amaun pada 18 November 2015. A mengeluarkan invoice cukai untuk keseluruhan amaun pada 6 November 2015.

Masa pembekalan untuk CBP yang perlu dibayar sejumlah RM47.09 ($6/106 \times RM832$) adalah pada 2 Oktober 2015 dan masa pembekalan untuk CBP yang perlu dibayar sejumlah RM12.91 ($6/106 \times RM228$) adalah pada 6 November 2015.

(b) Invoice cukai dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada masa cukai asas

Jika pembekal tidak menerima apa-apa pembayaran sebelum masa cukai asas tetapi mengeluarkan invoice cukai dalam tempoh dua puluh satu (21)

hari dari masa cukai asas, masa pembekalan adalah tarikh invoice dikeluarkan. Ini tanpa mengambil kira sebarang pembayaran yang diterima dalam tempoh dua puluh satu (21) hari. Jika invoice cukai tidak dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari, masa pembekalan akan kembali kepada masa cukai asas.

Contoh 11

A menghantar alat pada 18 Disember 2015. Pada 2 Januari 2016, B membayar RM832 sebagai sebahagian pembayaran. A mengeluarkan invoice cukai pada 4 Januari 2016 bermaun RM1,060 tetapi mencatatkan baki perlu dibayar sebanyak RM228.

Masa pembekalan untuk CBP yang perlu dibayar sejumlah RM60 ($6/106 \times RM1,060$) adalah pada 4 Januari 2016 kerana invoice cukai dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari masa cukai asas.

(c) Jualan Konsainan

Jika barang dibekalkan atas terma jualan atau pulangan atau yang serupa dengannya, maka masa pembekalan adalah apabila konsaini mengeluarkan penyata jualan kepada kosainor yang menyatakan bahawa barang itu telah dijual atau dua belas (12) bulan dari tarikh barang itu telah dihantar kepada konsaini, yang mana terdahulu. Berdasarkan kaedah di atas, jika invoice cukai dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh konsaini mengeluarkan penyata jualan atau selepas dua belas bulan barang itu telah dihantar kepada konsaini, maka masa pembekalan adalah tarikh invoice cukai.

(d) Pelupusan aset perniagaan

Pemindahan atau pelupusan barang yang merupakan sebahagian daripada aset perniagaan oleh atau di bawah arahan orang yang menjalankan perniagaan, sama ada atau tidak untuk balasan, masa pembekalan adalah

pada masa apabila barang itu dipindahkan atau dilupuskan iaitu apabila barang itu dialihkan.

Ini termasuk keadaan di mana pembekal secara sementara waktu meminjamkan barang kepada orang lain dan orang itu menggantikan barang yang dipinjamkan itu dengan barang yang lain kepada pembekal.

(e) Aset perniagaan untuk kegunaan bukan perniagaan

Jika barang dikeluarkan untuk sementara waktu dan digunakan secara peribadi atau bagi apa-apa tujuan selain tujuan perniagaan, masa pembekalan adalah masa barang itu diagihkan. Bagaimana pun jika barang itu digunakan secara berterusan untuk tujuan bukan perniagaan, masa pembekalan adalah hari terakhir setiap tempoh bercukai dalam masa mana barang itu tersedia atau digunakan.

(f) Pengimportan Perkhidmatan

Bagi pembekalan perkhidmatan yang diimport, masa pembekalan ialah apabila pembayaran dibuat untuk pembekalan itu oleh penerima.

(g) Pembekalan di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan

Masa pembekalan bagi barang yang dirawat atau diproses di bawah skim ini ialah mengikut yang mana lebih awal daripada masa-masa yang berikut:

- (i) apabila pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat kepada prinsipal luar negara; atau
- (ii) apabila orang kena cukai diberi kelulusan untuk menerima barang yang dirawat atau diproses, menerima inouis yang berhubung dengan pembekalan barang tersebut yang diterima daripada prinsipal luar negara.

(h) Pembekalan di bawah Skim Tukang Emas Diluluskan

Masa pembekalan bagi pembekalan barang yang ditetapkan di bawah skim ini adalah yang mana-mana terdahulu daripada berikut:

- (i) apabila pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat; atau
- (ii) apabila Tukang Emas Diluluskan menerima invois berhubung dengan pembekalan tersebut.

(i) Pembekalan di bawah Pelepasan untuk Barang Terpakai

Masa pembekalan bagi pembekalan barang yang ditetapkan di bawah skim ini adalah yang mana-mana terdahulu daripada berikut:-

- (i) apabila barang yang ditetapkan itu dipindahkan atau tersedia untuk dipindahkan;
- (ii) apabila pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat; atau
- (iii) apabila orang yang diluluskan mengeluarkan invois;

(j) Mesin kendalian wang syiling

Masa pembekalan adalah apabila pungutan dikeluarkan daripada mesin tersebut.

(k) Barang di dalam Gudang Berlesen atau *Bonded*

Bagi barang dialih daripada gudang berlesen atau *bonded*, CBP dikenakan pada masa barang itu dialihkan.

(l) Barang pembekal dalam milikan penerima

Jika pembekal membekalkan barang di bawah suatu perjanjian di mana pemilikan hanya akan berlaku pada tarikh diperuntukkan oleh penerima dan balasan tidak ditetapkan sehingga tarikh itu, maka masa pembekalan adalah tarikh terawal daripada yang berikut:

- (i) tarikh apabila penerima memperuntukkan barang;
- (ii) tarikh apabila invois cukai dikeluarkan oleh pembekal; atau
- (iii) tarikh apabila pembayaran diterima oleh pembekal.

Jika pembekal mengeluarkan invois cukai dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh diperuntukkan oleh penerima dan tiada pembayaran diterima sebelum tarikh barang diperuntukkan, maka tarikh invois cukai dikeluarkan menjadi masa sebenar pembekalan.

Dalam kes di mana terdapat perjanjian melibatkan invois sendiri di antara pembekal dan penerima, masa cukai asas adalah pada tarikh peruntukkan. Jika penerima mengeluarkan invois sendiri dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh diperuntukkan olehnya, maka masa sebenar pembekalan ialah pada tarikh invois sendiri dikeluarkan.

(m) Pembekalan dalam industri pembinaan

Dalam industri pembinaan, barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam urusan pembinaan, pengubahan, perobohan, pembaikan atau penyelenggaraan bangunan atau sebarang kerja kejuruteraan di bawah kontrak yang mungkin atau tidak mungkin memerlukan pengeluaran sijil perakuan kerja.

Masa pembekalan ialah:

- (i) Dalam kes sijil perakuan kerja tidak diperlukan, pembekalan disifatkan sebagai berlaku pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:
 - apabila pembayaran diterima oleh pembekal yang mana balasan untuk kontrak adalah dalam bentuk wang sepenuhnya; atau
 - apabila invois cukai dikeluarkan.

- (ii) Dalam kes sijil perakuan kerja diperlukan, pembekalan disifatkan sebagai berlaku pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:
- apabila pembayaran diterima oleh pembekal yang mana balasan bagi kontrak adalah dalam bentuk wang sepenuhnya;
 - apabila invois cukai dikeluarkan; atau
 - apabila sijil perakuan kerja dikeluarkan, jika tiada invois cukai dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas tarikh pengeluaran sijil.

(n) Pembekalan lain

Masa pembekalan bagi pembekalan berikut:-

- (i) pemindahan tanah yang melibatkan hartanah belum siap di bawah skim pembayaran berperingkat;
- (ii) pembekalan tenaga, elektrik, gas, air, perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi;
- (iii) bayaran tahanan;
- (iv) pembekalan perkhidmatan berterusan; dan
- (v) pembayaran berkenaan harta intelek;

ialah yang mana-mana terdahulu sekiranya pembayaran diterima atau invois cukai telah dikeluarkan berkaitan dengan pembekalan tersebut.

(o) Pembekalan berterusan barang dan perkhidmatan di antara orang yang berkaitan

Dalam kes di mana:

- (i) pembekalan yang melibatkan pemindahan tanah; pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, gas, air, penyejukan, penyaman udara, pengudaraan, petroleum atau produk keluaran petroleum melalui

saluran paip atau sebarang bentuk tenaga termasuk elektrik, pembekalan perkhidmatan yang berterusan atau pembayaran yang berkaitan dengan harta intelek;

- (ii) inois cukai tidak dikeluarkan;
- (iii) pembayaran tidak diterima;
- (iv) pembekal dan penerima berkaitan antara satu sama lain; dan
- (v) penerima tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input sepenuhnya atau sebahagiannya ke atas pembekalan,

pembekalan disifatkan sebagai dibekalkan berasingan dan berturut-turut pada akhir tempoh tiga (3) bulan selepas pembekalan bermula dan selepas itu, pada akhir setiap tempoh tiga (3) bulan berikutnya.

(p) Masa Pembekalan Khusus

Orang kena cukai boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk masa pembekalan khusus bagi keadaan yang tidak dinyatakan di atas. Kaedah masa pembekalan khusus hanya boleh digunakan oleh orang kena cukai yang tertentu seperti yang dipohon secara spesifik. Kemudahan ini diberi di mana pemakaian kaedah umum boleh menyebabkan keperitan dan kesulitan melampau. Contoh keadaan di mana kaedah masa pembekalan khusus adalah termasuk:

- (i) inois melalui penyata bulanan pembekalan oleh bank kepada pelanggan mereka;
- (ii) kad pembelian korporat; dan
- (iii) kelewatan terlalu lama dalam menetapkan harga.

PENGIMPORAN PERKHIDMATAN

92. Seksyen ini menerangkan layanan CBP mengenai pembekalan perkhidmatan yang diimport oleh seseorang.

Maksud Pengimportan Perkhidmatan

93. Di bawah Akta CBP, “pengimportan perkhidmatan” bermaksud perkhidmatan yang dibuat oleh pembekal yang berada di negara selain daripada Malaysia atau menjalankan perniagaan di luar Malaysia kepada penerima yang berada di Malaysia dan perkhidmatan tersebut digunakan di Malaysia.

Maksud “Digunakan di Malaysia”

94. Perkhidmatan “digunakan di Malaysia” berhubung perkhidmatan pengimportan bermaksud apa-apa perkhidmatan yang digunakan, atau dinikmati di Malaysia. Penerima perkhidmatan pengimportan adalah bertanggung ke atas CBP bagi bahagian perkhidmatan yang digunakan di Malaysia.

Contoh 11

MY Co adalah pusat pangkalan data komputer bagi rantau ASEAN di mana Kuala Lumpur adalah ibu pejabat. Seorang perunding luar negara (UK Co) telah terlibat untuk menaik taraf pangkalan data MY Co. Kos perundingan sebanyak RM 80,000 meliputi kesemua lima pejabat serantau MY Co. Kos menaik taraf pangkalan data MY Co di Malaysia ialah RM30,000 dan boleh dikenakan kepada CBP manakala baki RM50,000 tidak dikenakan kerana kerja dilakukan bagi pejabat serantau yang lain, yang mana digunakan di luar Malaysia walaupun pembayaran dibuat oleh MY Co yang berpangkalan di Malaysia.

Contoh 12

Stylo Bhd adalah pemborong untuk kasut jenama 'X' di Malaysia dan Thailand. Stylo Bhd membayar royalti kepada Italy Shoes Co. (pemegang hak) pada akhir setiap tahun. Royalti yang dibayar bergantung kepada jumlah kasut yang dijual dalam tahun itu. Stylo Bhd membayar RM36,000 pada tahun ini untuk kasut yang dijual di kedua-dua negara, iaitu RM16,000 untuk dijual di Malaysia dan RM20,000

di Thailand. Jumlah perkhidmatan diimport yang tertakluk kepada CBP adalah RM16,000.

Contoh 13

KL Co. mengupah beberapa pakar dari Eropah bagi khidmat perundingan ke atas pengurusan produktiviti kilang yang terletak di Kemboja. Kerja itu dijalankan di Kemboja tetapi pembayaran di buat oleh KL Co. di Kuala Lumpur. Tiada CBP dikenakan ke atas khidmat perundingan, kerana perkhidmatan tersebut telah digunakan di luar Malaysia.

Perkhidmatan Bercukai yang tertakluk kepada CBP bilamana Pembekalan Diterima dari Luar Negara.

95. Pada amnya, skop perkhidmatan dalam CBP sangat luas selain dari barang dan wang. Ia juga termasuk harta tidak ketara dan intelek seperti tanda dagang, hak, paten, lesen, nama baik dan sebagainya.

96. Apabila perkhidmatan diimport dari luar Malaysia dan dibekalkan kepada penerima pembekalan di dalam Malaysia, merupakan pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia, penerima pembekalan tersebut hendaklah mengakaun dan membayar CBP jika pengimpotan perkhidmatan tersebut adalah untuk tujuan perniagaan dan perkhidmatan tersebut digunakan di Malaysia.

Nilai Pembekalan Pengimportan Perkhidmatan

97. Berdasarkan Akta CBP, nilai pembekalan bagi pengimportan perkhidmatan hendaklah dianggap sebagai dibuat oleh penerima dan hendaklah dikira sebagai satu amaun bersamaan dengan:-

- (a) dalam kes penerima tidak mempunyai kaitan dengan pembekal perkhidmatan, apa-apa balasan yang diterima; atau
- (b) dalam kes penerima mempunyai kaitan dengan pembekal perkhidmatan, nilai pasaran terbuka.

Tanggungjawab CBP ke atas Penerima Pengimportan Perkhidmatan

98. Secara amnya, perundangan CBP memperuntukan bagi pembekal untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada penerima bekalan. Bagaimanapun, dalam kes pengimportan perkhidmatan tanggungjawab CBP berpindah daripada pembekal kepada penerima bekalan jika establismen tetap atau perniagaan penerima bekalan, atau tempat tinggal biasanya adalah di Malaysia. Oleh itu penerima bekalan bertanggungjawab untuk mengakaun CBP ke atas pembekalan yang dibuat bagi apa-apa tujuan perniagaan yang dijalankan olehnya.

99. Jika pembekalan bukan untuk tujuan perniagaan, penerima bekalan perlu bertanggungjawab untuk mengakaun ke atas pembekalan pengimportan perkhidmatan yang diterimanya. Sebagai contoh, seseorang individu menerima reka bentuk senibina yang dibekalkan oleh seorang arkitek asing untuk mereka bentuk rumah kediaman yang akan dibina untuk tujuan persendirian di Malaysia.

Mengakaunkan Pembekalan Pengimportan Perkhidmatan

100. Apabila seseorang menerima pembekalan pengimportan perkhidmatan bagi maksud perniagaan, ia dianggap sebagai membuat dan menerima pembekalan tersebut. Oleh kerana dia dianggap membuat sesuatu pembekalan, dia perlu mengakaun CBP ke atas pembekalan pengimportan perkhidmatan sebagai cukai outputnya.

101. Jika pengimportan perkhidmatan ini digunakan untuk membuat pembekalan bercukai, dia layak membuat tuntutan ke atas CBP yang ditanggung sebagai cukai inputnya. Jika pembekalan digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan, dia tidak layak untuk menuntut CBP sebagai cukai inputnya. Jika pengimportan perkhidmatan digunakan membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, dia hendaklah mengagihkan CBP yang ditanggung dan menuntut bahagian CBP ke atas pengimportan perkhidmatan yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai.

102. Jika penerima pembekalan merupakan orang kena cukai, kedua-dua cukai input dan cukai output hendaklah diistihar di dalam penyata CBP dan cukai hendaklah dibayar

tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas tamat tempoh bercukai di mana bayaran bagi pembekalan pengimportan perkhidmatan dibuat kepada pembekal.

103. Jika penerima pembekalan bukan merupakan orang kena cukai, dia bertanggungjawab untuk mengaun CBP sebagai cukai outputnya dan isytihar di dalam borang yang ditetapkan (Borang GST-04). Cukai tersebut perlu dibayar tidak lewat dari hari terakhir bulan yang berikutan dari bulan di mana pembekalan tersebut dibuat.

Invois Cukai tidak perlu untuk Pengimportan Perkhidmatan

104. Penerima pembekalan tidak perlu mengeluarkan invois cukai apabila ia menerima sesuatu pengimportan perkhidmatan.

PENGEKSPORTAN PERKHIDMATAN

105. Secara umum, semua perkhidmatan yang dieksport adalah berkadar sifar jika syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 20XX dipatuhi dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini pada amnya dirujuk sebagai perkhidmatan antarabangsa. Contoh perkhidmatan yang dieksport adalah seperti berikut:

- (a) Apa-apa pembekalan kepada seseorang yang berada di luar Malaysia tidak menjadi apa-apa pembekalan perkhidmatan yang berkaitan dengan tanah dan barang-barang yang terletak di Malaysia dan dia tidak berada di Malaysia pada masa perkhidmatan tersebut dilaksanakan.
- (b) Perkhidmatan mana-mana daripada perihalan yang berikut yang dilaksanakan keseluruhannya di luar Malaysia —
 - (i) budaya, seni, sukan, pelancongan, pendidikan atau perkhidmatan hiburan;
 - (ii) pameran atau perkhidmatan konvesyen; atau
 - (iii) perkhidmatan sampingan kepada, termasuk menganjurkan prestasi

di luar Malaysia bagi perkhidmatan yang disebut dalam para (a) dan (b).

- (c) Suatu pembekalan perkhidmatan telekomunikasi oleh pembekal telekomunikasi yang berada di Malaysia untuk pembekal telekomunikasi yang berada di luar Malaysia.
- (d) Suatu pembekalan perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh pembekal telekomunikasi yang berada di Malaysia kepada pelanggan yang berkaitan dengan outbound roaming di luar Malaysia, apabila pelanggan membuat panggilan keluar atau menerima panggilan masuk.
- (e) Perkhidmatan yang dibekalkan ---
 - (i) di bawah kontrak dengan orang yang berada di negara lain selain Malaysia; dan
 - (ii) yang secara langsung memberi manfaat kepada seseorang yang berada dalam negara selain daripada Malaysia,

berhubung dengan ko-lokasi peralatan pelayan komputer di Malaysia yang dimiliki oleh orang yang disebut di dalam para (a) atau (b).

BARANG DIIMPORT DAN DIEKSPORT

Barang diimport

106. Semua barang yang diimport ke Malaysia adalah tertakluk kepada CBP kecuali telah diberi pelepasan secara spesifiknya atau diletakkan di bawah skim penggantungan seperti dijelaskan di perenggan terkemudian.

107. CBP dikenakan di atas pengimportan barang pada kadar yang sama seolah-olah barang tersebut telah dibekalkan di Malaysia. Nilai dikenakan CBP ialah jumlah nilai kastam sepertimana ditentukan mengikut kaedah penilaian kastam dicampur dengan apa-apa duti kastam dan duti eksais yang kena dibayar di atas pengimportan tersebut.

108. CBP atas pengimportan perlu dibayar pada masa duti kastam jika ada, dibayar kepada Kastam. CBP yang dibayar diresitkan di atas Borang Kastam No.1 atau Borang Kastam No.9 bergantung kepada cara pelepasan. Jika tiada duti kastam, CBP perlu dibayar pada masa barang tersebut dilepaskan daripada kawalan kastam.

109. Bagaimanapun, seorang pengimport yang merupakan orang kena cukai adalah berkelayakan untuk mendapat balik CBP yang dibayar ke atas barang import tertakluk kepada peraturan umum ke atas kredit cukai input. Pendapatan balik CBP yang ditanggung atas barang import dibuat dengan mengkreditkan jumlah yang dibenarkan berbanding dengan cukai output yang dikenakan atas pembekalan bercukainya.

Pelepasan CBP ke atas Import

110. Barang tertentu akan diberi pelepasan CBP ke atas pengimportannya di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 20XX tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Penggantungan CBP semasa Pengimportan

111. Apabila barang diimport dan tertakluk kepada Skim Penggudangan seperti dijelaskan di bawah perenggan 281, CBP tidak boleh dikenakan sehingga barang tersebut dilepaskan untuk kegunaan di Malaysia.

Barang diimport di bawah Skim Pedagang Diluluskan (ATS)

112. Apabila barang diimport di bawah Skim Pedagang Diluluskan, apa-apa CBP yang tergantung ke atas barang import tersebut, hendaklah diakaunkan dalam tempoh bercukai yang mana pengimportan dilakukan.

Barang Diimport ke dalam Kawasan Ditetapkan

113. Kawasan Ditetapkan bermaksud Langkawi, Labuan atau Tioman. CBP tidak dikenakan ke atas barang yang diimport dari sebuah tempat di luar Malaysia ke suatu Kawasan Ditetapkan kecuali barang tersebut telah ditetapkan sebagai dikenakan CBP oleh Menteri.

114. Barang yang dibawa dari mana-mana tempat di Malaysia ke Kawasan Ditetapkan tidak dianggap sebagai import tetapi adalah dianggap sebagai dibekalkan di Malaysia. Barang yang dibekalkan dari Malaysia ke Kawasan Ditetapkan hendaklah dikenakan kadar sifar kecuali ditetapkan oleh Menteri.

Barang Dieksport

115. Pengeksport boleh mengenakan cukai pada kadar sifar ke atas pembekalan barang pada masa barang itu dieksport. Barang dianggap sebagai dieksport apabila barang tersebut:-

- (a) telah diluluskan oleh pegawai kastam yang hak di stesen kastam yang terakhir dalam perjalanan keluar barang itu dari Malaysia;
- (b) telah dimuatkan ke atas kapal atau pesawat udara yang mana sedia untuk berlepas dari suatu pelabuhan atau tempat di Malaysia; atau
- (c) telah diluluskan oleh pegawai kastam yang hak di depot atau stesen pelepasan dalaman dalam perjalanan keluar dari Malaysia melalui sebuah pelabuhan kastam atau lapangan terbang.

INVOIS CUKAI DAN PENYIMPANAN REKOD

116. Seksyen ini menerangkan jenis rekod yang perlu anda simpan berkaitan dengan pembekalan yang anda beri atau terima sebagai orang berdaftar di bawah Akta CBP. Ia juga menyediakan keadaan di mana invois cukai perlu atau tidak perlu dikeluarkan dan beberapa garis panduan tentang bagaimana untuk menyimpan rekod ini.

Invois Cukai

117. Setiap orang berdaftar yang membuat apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaannya di Malaysia adalah dikehendaki untuk mengeluarkan suatu invois cukai. Invois cukai ialah sebuah dokumen yang mengandungi beberapa maklumat mengenai pembekalan yang

telah dibuat dan adalah serupa dengan invois komersial kecuali bagi sesetengah maklumat tambahan. Dokumen ini adalah penting kerana ia merupakan satu bukti yang perlu untuk menyokong tuntutan seorang pelanggan bagi pemotongan cukai input. Invois cukai mesti dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari masa pembekalan. Pembekal mestilah menyimpan salinan invois cukai dan salinan asal hendaklah disimpan oleh penerima. Hanya orang berdaftar CBP sahaja boleh mengeluarkan invois cukai. Invois cukai boleh dikeluarkan dalam bentuk seperti berikut:

- (a) Invois cukai
 - (i) Invois cukai lengkap
 - (ii) Invois cukai mudah
- (b) Invois dianggap sebagai invois cukai
 - (i) Invois bil sendiri
 - (ii) Invois atau penyata jualan yang dikeluarkan oleh pelelong

Invois Cukai Lengkap

118. Maklumat berikut mesti ditunjukkan pada suatu invois untuk membolehkan ia dianggap sebagai invois cukai lengkap:

- (a) perkataan 'invois cukai' di tempat yang ketara;
- (b) nombor siri invois cukai;
- (c) tarikh pengeluaran invois cukai;
- (d) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal;
- (e) nama dan alamat orang yang menerima pembekalan barang atau perkhidmatan;
- (f) pemerihalan yang mencukupi untuk mengenalpasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;

- (g) bagi setiap perihalan, bezakan jenis pembekalan untuk kadar sifar, standard dan dikecualikan, kuantiti barang atau takat perkhidmatan dibekalkan dan amaun kena dibayar tidak termasuk cukai;
- (h) apa-apa diskaun yang ditawarkan;
- (i) jumlah amaun kena dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai dikenakan ditunjukkan secara berasingan;
- (j) jumlah amaun kena dibayar termasuk jumlah cukai dikenakan; dan
- (k) apa-apa amaun merujuk kepada subperenggan (i) dan (j) yang dinyatakan dalam mata wang selain daripada Ringgit, hendaklah juga dinyatakan dalam Ringgit menurut perenggan (5) Jadual Ketiga, Akta CBP 201X.

Contoh invoice cukai ditunjukkan pada **Gambarajah 3**.

Gambarajah 3: Invois Cukai Lengkap

KILANG KASUT SEDAP PAKAI SDN.BHD.
Lot 123, Jalan Pengkalan, 31500 Lahat, Perak
No. ID CBP: 100001/2015)
Tel : 05-3349876

INVOIS CUKAI

No. Invois: 0001111
Tarikh : 25 Jun 2015
No. N/H : S000345

Kepada : Syarikat Kasut Ali Sdn. Bhd.
No. 27, Jalan Maju Jaya,
31400 Ipoh, Perak

No. Siri	Perihal	Kuantiti	Harga perunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Kasut Sekolah SS1201	200	8.00	1,600.00
2.	Kasut Sekolah SS1210	200	10.00	2,000.00
3.	Kasut Sukan SP2315	50	25.00	1,250.00
				4,850.00
<i>Diskaun @ 10%</i>				<u>(485.00)</u>
				4,365.00
<i>Tambah CBP @ 6%</i>				261.90
Jumlah Akaun				4,626.90

KILANG KASUT SEDAP PAKAI SDN.BHD.

Nama, alamat dan nombor pengenalan CBP pembekal

Nombor bersiri invois cukai

Nama & alamat pelanggan

Perihal barang atau perkhidmatan

Perkataan "Invois Cukai" dinyatakan dengan jelas

Tarikh invois cukai

Kuantiti barang atau takat perkhidmatan dibekalkan

Kadar CBP

Jumlah amaun kena dibayar tidak termasuk CBP

Jumlah amaun CBP dikenakan

Jumlah amaun kena dibayar termasuk CBP

Invois Cukai Dipermudahkan

119. Dalam keadaan tertentu, beberapa orang berdaftar akan menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan invois cukai lengkap kepada pelanggan mereka. Jika orang itu menghadapi kesukaran sedemikian, mereka boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan invois cukai dipermudahkan dalam transaksi perniagaan mereka. Invois ini boleh dikeluarkan tanpa mengira apa-apa amaun. Invois cukai dipermudahkan ini boleh dibuat dalam bentuk invois, resit, baucar atau dokumen lain yang serupa, asalkan ianya mengandungi semua maklumat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

120. Sebagai contoh, orang berdaftar memohon kepada Ketua Pengarah bagi membenarkan dia untuk tidak memasukkan butir-butir yang ditetapkan dalam invois cukai lengkap seperti berikut:


- (a) nama dan alamat penerima; dan
- (b) harga dan cukai bagi setiap item yang ditunjukkan secara berasingan.

121. Dalam kes ini, Ketua Pengarah boleh membenarkan invois tersebut dikeluarkan oleh orang berdaftar dengan syarat invois tersebut mengandungi butiran berikut:

- (a) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal;
- (b) tarikh pengeluaran invois cukai;
- (c) nombor siri invois cukai;
- (d) pemerihalan yang mencukupi untuk mengenalpasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;
- (e) bagi setiap perihalan, bezakan jenis pembekalan untuk kadar sifar, standard dan dikecualikan, kuantiti barang atau takat perkhidmatan dibekalkan dan amaun kena dibayar, termasuk cukai;
- (f) jumlah amaun kena dibayar termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan
- (g) kadar cukai dan amaun cukai yang dikenakan.

122. Invois cukai dipermudahkan boleh digunakan untuk menuntut kredit cukai input. Walau bagaimanapun, jika invois itu tidak mengandungi nama dan alamat penerima, amaun maksima cukai input yang boleh dituntut tidak boleh melebihi RM30.00. Jika amaun CBP dalam invois cukai dipermudahkan adalah lebih daripada RM30.00 (contohnya RM50.00) dan penerima hendak menuntut amaun CBP sepenuhnya, penerima dikehendaki meminta nama dan alamatnya dimasukkan dalam invois itu. Contoh invois cukai dipermudahkan ditunjukkan pada **Gambarajah 4**.

Gambarajah 4: Invois Cukai Dipermudahkan



Invois Bil Kendiri

123. Secara amnya, invois cukai dikeluarkan oleh pembekal. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana nilai pada masa pembekalan tidak diketahui oleh pembekal, invois bil kendiri boleh dibenarkan untuk dikeluarkan oleh pelanggan (penerima) dengan kelulusan Ketua Pengarah. Sebagai contoh, seorang penerbit boleh mengamalkan cara bil kendiri apabila membayar royalti kepada pengarang yang dikenakan cukai.

124. Pengeluaran invois bil kendiri oleh penerima kepada diri sendiri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) nilai pada masa pembekalan dibuat tidak diketahui oleh pembekal;
- (b) kedua-dua penerima dan pembekal adalah orang berdaftar;
- (c) penerima dan pembekal bersetuju secara bertulis untuk menggunakan invois bil kendiri; dan
- (d) pembekal dan penerima bersetuju bahawa pembekal tidak akan mengeluarkan invois cukai.

125. Mana-mana penerima yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mengeluarkan invois bil kendiri hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) dokumen itu boleh dianggap sebagai invois cukai dengan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu;
- (b) satu salinan invois bil kendiri diberikan kepada pembekal dan salinan yang lain disimpan oleh penerima; dan
- (c) dalam kes di mana invois bil kendiri dikeluarkan sebelum masa pengalihan barang tersebut atau sebelum barang tersedia, atau sebelum masa perkhidmatan disediakan, invois bil kendiri hendaklah dikeluarkan dengan bayaran.

126. Penerima yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mengeluarkan invois bil kendiri hendaklah menyatakan butir-butir berikut di dalam invois:

- (a) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal dan penerima;
- (b) perkataan 'invois bil sendiri' di tempat yang ketara;
- (c) nombor siri invois;
- (d) tarikh pengeluaran invois;
- (e) nombor rujukan kelulusan Ketua Pengarah;
- (f) pemerihalan yang mencukupi untuk mengenalpasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;
- (g) bagi setiap perihalan hendaklah membezakan jenis pembekalan untuk kadar sifar, kadar standard dan dikecualikan, kuantiti barang atau takat perkhidmatan yang dibekalkan dan amaun yang perlu dibayar tidak termasuk cukai;
- (h) apa-apa diskaun yang ditawarkan;
- (i) jumlah amaun yang dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai yang dikenakan hendaklah ditunjukkan secara berasingan;
- (j) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan
- (k) apa-apa amaun merujuk kepada subperenggan (i) dan (j), dinyatakan dalam mata wang selain daripada Ringgit, juga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit menurut perenggan 5 Jadual Ketiga Akta CBP 201X.

Penyata Jualan atau Invois dikeluarkan oleh Pelelong

127. Pembekalan yang dibuat oleh pelelong yang bertindak atas namanya sendiri dianggap sebagai pembekalan yang dibuat oleh prinsipal atau pemunya barang yang diletakkan untuk lelongan. Jika prinsipal adalah orang kena cukai, pelelong samada orang bercukai atau tidak hendaklah bertanggung untuk cukai output ke atas mana-mana barang yang telah dilelong bagi pihak prinsipal. Dalam keadaan ini, pelelong

samada berdaftar atau tidak, hendaklah mengeluarkan dokumen untuk membilkan pembeli dalam bentuk penyata jualan atau invois yang dianggapkan sebagai invois cukai berasaskan prinsip '*termasuk cukai*'. Penyata jualan atau invois tersebut hendaklah mengandungi butiran berikut:

- (a) nama, alamat dan nombor pendaftaran perniagaan pelelong;
- (b) nama dan alamat pembeli;
- (c) tarikh penyata jualan atau invois dikeluarkan;
- (d) nombor siri invois;
- (e) pemerihalan yang mencukupi untuk mengenalpasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;
- (f) jumlah amaun kena dibayar termasuk CBP;
- (g) jumlah cukai dikenakan; dan
- (h) perkataan "Harga kena dibayar termasuk CBP".

Kehilangan atau Tersalahletak Invois Cukai

128. Jika invois cukai hilang atau tersalahletak, penerima boleh meminta kepada pembekal untuk mengeluarkan salinan gantian invois cukai tersebut yang ditanda sebagai "SALINAN SAHAJA" atau "SALINAN PENDUA". Prosidur ini adalah perlu bagi membolehkan penerima memenuhi keperluan dokumentari untuk menuntut cukai input.

Invois Pro forma

129. Invois pro forma tidak dikira sebagai invois cukai bagi tujuan CBP. Orang berdaftar hanya boleh mengimbangi cukai output dengan cukai input jika dia mempunyai invois cukai yang betul. Jika pembekalnya tidak menghantarnya invois cukai yang sah, dia hendaklah memintanya daripada pembekal.

Invois dalam Mata Wang Asing

130. Jika invois cukai dinyatakan di dalam mata wang asing, perkara-perkara berikut dalam invois cukai hendaklah ditukarkan ke dalam Ringgit Malaysia (RM) bagi tujuan CBP:

- (a) jumlah kena dibayar sebelum CBP;
- (b) jumlah CBP yang dikenakan; dan
- (c) jumlah kena dibayar (termasuk CBP).

131. Mata wang asing adalah ditukar kepada Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran pasaran terbuka yang terdapat di Malaysia pada masa pembekalan berlaku. Dalam kes pengimportan, pengimport boleh menggunakan kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh Kastam yang dikemaskinikan setiap minggu.

Keadaan-Keadaan Lain

132. Terdapat keadaan di mana invois cukai tidak perlu dikeluarkan, manakala dalam keadaan tertentu, invois cukai tidak boleh dikeluarkan. Dalam kes pembekalan bercampur (pembekalan bercukai dan dikecualikan), invois cukai perlu dikeluarkan.

(a) Pembekalan berkadar sifar dan pembekalan tanpa balasan

Invois cukai tidak perlu dikeluarkan apabila orang berdaftar membuat pembekalan berkadar sifar atau pembekalan tanpa balasan.

(b) Pelepasan Barang Terpakai (Skim Margin) dan Perkhidmatan diimport

Invois cukai tidak boleh dikeluarkan bagi barangan terpakai di mana cukai adalah dikenakan ke atas lebihan di antara harga jualan dengan harga pemerolehan barang tersebut (margin). Invois cukai tidak boleh dikeluarkan untuk apa-apa pembekalan perkhidmatan diimport.

(c) Pembekalan Bercampur

Terdapat keadaan di mana pembekal mungkin membuat pembekalan dikecualikan, berkadar sifar dan/atau standard sekaligus kepada pelanggan yang sama dan kemudiannya mengeluarkan satu invoice untuk merekod transaksi tersebut. Apabila situasi seperti itu berlaku, invoice cukai yang dikeluarkan hendaklah membezakan dengan jelas pengenaan cukai ke atas pembekalan (dikecualikan, berkadar sifar atau berkadar standard) yang dibuat dan menunjukkan secara berasingan nilai yang berkenaan dan kadar CBP yang dikenakan (jika ada) ke atas setiap pembekalan.

Penyimpanan Rekod

133. Adalah menjadi satu keperluan bagi orang kena cukai untuk menyimpan rekod yang memberi kesan terhadap liabilitinya kepada CBP selama tujuh (7) tahun dan rekod mestilah dalam Bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan. Rekod-rekod hendaklah disimpan di Malaysia melainkan jika diluluskan oleh Ketua Pengarah. Rekod-rekod yang diperlukan adalah:-

- (a) semua rekod barang dan perkhidmatan yang dibekalkan atau diterima oleh seseorang dalam urusan perniagaannya;
- (b) semua rekod pengimportan barang; dan
- (c) apa-apa dokumen sokongan seperti kontrak dan sebut harga untuk menunjukkan liabilitinya terhadap CBP.

134. Rekod di atas boleh berada dalam bentuk seperti berikut:-

- (a) buku fizikal akaun dan sumber dokumen dalam bentuk kertas termasuk cetakan computer;
- (b) rekod elektronik; dan/atau
- (c) semua butiran sistem perakaunan, termasuk carta, kod akaun, sistem dan program dokumentasi dan spesifikasi dan manual arahan.

135. Orang bukan kena cukai yang tertentu juga dikehendaki untuk menyimpan rekod dan orang bukan kena cukai ini adalah seperti berikut:

- (a) mana-mana orang yang telah terhenti menjadi orang kena cukai dan telah membuat atau akan membuat tuntutan pelepasan hutang lapuk;
- (b) perkhidmatan yang diimport dibekalkan kepada penerima yang merupakan orang tidak kena cukai bagi maksud perniagaan;
- (c) barang-barang orang kena cukai yang dijual oleh orang bukan kena cukai untuk mendapatkan semula apa-apa hutang yang terhutang oleh orang kena cukai;
- (d) pembekalan oleh pelelong yang merupakan orang bukan kena cukai, atas namanya sendiri bagi pihak prinsipal/pemilik barang yang merupakan orang kena cukai; atau
- (e) orang bukan kena cukai di Malaysia yang menerima barang-barang dalam perjalanan atau penerusan perniagaan, daripada Pengilang Tol Diluluskan.

136. Bagi rekod yang disimpan dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod tersebut hendaklah mudah diakses dan ditukar ke dalam bentuk bertulis. Bila rekod asalnya adalah dalam suatu bentuk manual dan ia kemudiannya ditukarkan ke dalam rekod elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum pertukaran itu. Untuk maklumat lanjut bagi seksyen ini, sila rujuk *Panduan CBP ke atas Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod*.

NOTA KREDIT, NOTA DEBIT, PELEPASAN HUTANG LAPUK DAN PELARASAN

137. Seksyen ini menerangkan bagaimana seseorang boleh membuat pelarasan akaun apabila terdapat perubahan dalam balasan bagi suatu pembekalan atau suatu pembatalan dalam pembekalan tersebut. Ia juga menerangkan prosedur untuk menuntut pelepasan hutang lapuk apabila bayaran tidak boleh dipungut.

Nota Kredit dan Nota Debit

138. Nota kredit dikeluarkan apabila nilai yang diinvois sebelumnya dikurangkan atau suatu transaksi dibatalkan atas apa-apa sebab. Sebaliknya, nota debit pula dikeluarkan apabila jumlah yang diinvois sebelumnya meningkat untuk bekalan sama.

139. Nota kredit dan nota debit menyediakan satu mekanisme membenarkan peniaga membuat pelarasan CBP yang perlu dalam akaun untuk menggambarkan liabiliti sebenar CBP dalam penyatannya.

Pelarasan berkaitan Pengeluaran Nota Kredit

140. Apabila nota kredit dikeluarkan dan cukai output telah dibayar, orang kena cukai hendaklah mengurangkan cukai outputnya bagi amaun yang sama dengan yang tercatat dalam nota kredit dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana nota kredit itu dikeluarkan. Sebaliknya, pelanggan yang merupakan orang berdaftar hendaklah mengurangkan cukai inputnya dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana dia menerima nota kredit tersebut jika dia telah menuntut cukai input tersebut.

Pelarasan berkaitan Pengeluaran Nota Debit

141. Apabila orang kena cukai mengeluarkan nota debit, dia hendaklah menaikkan cukai outputnya bagi amaun yang sama dengan yang tercatat dalam nota debit dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana nota debit itu dikeluarkan. Sebaliknya, pelanggan yang mana adalah orang berdaftar hendaklah menaikkan cukai inputnya dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana dia menerima nota debit tersebut.

Pengeluaran Nota Kredit dan Nota Debit

142. Orang kena cukai perlu mengeluarkan nota kredit atau nota debit selepas apa-apa perubahan pada balasan atas pembekalan atau pembatalan dalam pembekalan. Nota kredit atau nota debit hendaklah mengandungi butiran berikut:-

- (a) perkataan "nota kredit" atau "nota debit" di tempat yang ketara;
- (b) nombor siri dan tarikh pengeluaran

- (c) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal;
- (d) nama dan alamat orang yang menerima barang dan perkhidmatan yang dibekalkan;
- (e) sebab-sebab pengeluarannya;
- (f) pemerihalan yang mengenalpasti pembekalan barang atau perkhidmatan;
- (g) kuantiti dan amaun bagi setiap pembekalan;
- (h) jumlah amaun keseluruhan tidak termasuk cukai;
- (i) kadar cukai dan amaun cukai; dan
- (j) nombor dan tarikh invois cukai asal.

Pelepasan Hutang Lapuk

143. Orang kena cukai adalah layak kepada pelepasan hutang lapuk secara keseluruhannya atau sebahagian daripada cukai yang dibayar olehnya berhubung dengan pembekalan bercukai jika:-

- (a) dia tidak menerima apa-apa pembayaran berhubung dengan pembekalan bercukai dari penghutang enam bulan daripada tarikh pembekalan atau penghutang telah menjadi insolven sebelum tempoh enam bulan telah pun berlalu; dan
- (b) usaha yang mencukupi telah dibuat olehnya untuk mendapatkan semula hutangnya.

144. Tarikh pembekalan merujuk kepada tarikh pengeluaran invois. Seseorang itu layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk walaupun hutang lapuk tersebut tidak dihapuskan daripada akaun. Adalah mencukupi jika dia mempunyai bukti bertulis untuk menunjukkan usaha telah dibuat untuk mendapatkan semula hutang tersebut. Contoh usaha-usaha tersebut termasuk surat peringatan atau notis kepada pelanggan.

Pelarasan oleh Pembekal

145. Pembekal yang merupakan orang berdaftar boleh menuntut pelepasan hutang lapuk sebagai cukai input dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana pelepasan hutang lapuk diberikan. Amaun pelepasan hutang lapuk hendaklah juga diisytihar dalam ruangan sewajarnya dalam penyata bagi tempoh bercukai tuntutan tersebut dibuat.

146. Jika sebahagian sahaja pembayaran telah diterima oleh pembekal, maka pelepasan hutang lapuk terhadap baki pembayaran yang belum diterima. Amaun cukai input yang boleh dituntut adalah dikira seperti di bawah:-

$$\frac{A1}{B} \times C$$

B

di mana

A1 adalah pembayaran yang tidak diterima berhubung dengan pembekalan bercukai;

B adalah balasan bagi pembekalan bercukai; dan

C adalah cukai yang genap masanya dan kena dibayar bagi pembekalan bercukai.

147. Jika tuntutan ke atas pelepasan hutang lapuk telah dibuat oleh orang kena cukai dan apa-apa pembayaran berhubung dengan pembekalan bercukai yang mana cukai tersebut kena dibayar, kemudiannya diterima oleh orang itu, dia hendaklah membayar balik dan diambilkira sebagai cukai output kepada Ketua Pengarah, suatu amaun yang dikira seperti di bawah:-

$$\frac{A2}{B} \times C$$

B

di mana

A2 adalah pembayaran yang diterima berhubung dengan pembekalan bercukai;

B adalah balasan bagi pembekalan bercukai; dan

- C adalah cukai yang genap masanya dan kena dibayar bagi pembekalan bercukai.

Pelarasan oleh Pelanggan

148. Jika orang kena cukai gagal membayar kepada pembekalnya balasan atau sebahagian daripadanya bagi pembekalan apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh pembekal kepadanya pada akhir tempoh enam bulan (6) selepas tarikh pengeluaran invois, dia hendaklah menganggap jumlah cukai input berkaitan yang dia mula kreditkan atau dibayar balik kepadanya (cukai input sama dengan bayaran yang tidak dibuat) sebagai cukai outputnya. Cukai output yang diambil kira hendaklah di masukkan dalam penyata bagi tempoh bercukai seterusnya selepas tamat tempoh enam (6) bulan.

149. Apabila orang kena cukai kemudiannya membayar hutangnya, dia menuntut CBP sebagai cukai inputnya dalam tempoh bercukai yang mana bayaran dibuat.

TEMPOH BERCUKAI, PENGEMUKAAN PENYATA DAN PEMBAYARAN CUKAI

150. Seksyen ini menerangkan mengenai pemberian tempoh bercukai dan keperluan untuk mengemukakan penyata dan pembayaran cukai. Ia juga meliputi pengemukaan pengakuan oleh bukan orang kena cukai untuk pembayaran CBP.

Tempoh Bercukai

151. Setiap orang kena cukai akan diberikan tempoh bercukai yang akan berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam tahun kalendar kecuali tempoh bercukai yang lain telah diberikan. Kategori tempoh bercukai bergantung kepada jumlah jualan tahunan:-

Jualan tahunan	Kategori	Tempoh bercukai untuk
RM 5 Juta dan ke atas	A	Satu bulan
Kurang daripada RM 5 Juta	B	Tiga bulan

152. Orang kena cukai boleh memohon untuk ditempatkan di mana-mana kategori selain daripada kategori yang telah diberikan kepadanya dan Ketua Pengarah boleh mengubah tempoh bercukai atau tarikh di mana apa-apa tempoh bercukai bermula atau berakhir.

Asas Pengakaunan

153. Terdapat dua jenis asas pengakaunan iaitu:-

(a) Asas Invois

Umumnya, setiap orang kena cukai hendaklah mengakaun CBP atas asas invois. Di bawah asas invois, orang kena cukai hendaklah:

- (i) mengakaun cukai output pada tarikh cukai menjadi genap masanya (masa pembekalan); dan
- (ii) menuntut cukai input pada tarikh di mana dia memegang invois cukai yang sah.

(b) Asas Pembayaran

Ketua Pengarah boleh membenarkan orang berdaftar yang memohon secara bertulis untuk mengakaun cukai atas asas pembayaran.

154. Seseorang yang diluluskan di bawah asas pembayaran hendaklah:-

- (a) mengakaun cukai output pada tarikh di mana bayaran atau balasan lain diterima; dan
- (b) menuntut cukai input pada tarikh di mana bayaran dibuat atau balasan lain diberi.

155. Asas pembayaran hanya terpakai untuk:-

- (a) badan awam; atau

- (b) kumpulan orang berdaftar tertentu disebabkan sifat perniagaan dan sifat sistem perakaunan yang digunakan oleh orang itu.

156. Antara orang yang dibenarkan mengakaun berdasarkan asas pembayaran adalah peniaga, kedai runcit, salon rambut dan pengendali restoran. Asas pembayaran tidak dimaksudkan untuk perkhidmatan profesional.

157. Kelulusan untuk asas pembayaran adalah berkuatkuasa bagi tempoh tiga tahun sahaja dan adalah tertakluk kepada pembaharuan oleh Ketua Pengarah. Setelah tamat asas pembayaran tersebut, orang kena cukai hendaklah mengakaun dan membayar cukai berdasarkan asas invoices.

158. Ketua Pengarah boleh membatalkan kelulusan apabila orang yang diluluskan telah:-

- (a) berhenti menjadi pihak berkuasa awam;
- (b) menukar sifat perniagaannya;
- (c) memohon untuk mengakaun cukainya atas asas invoices;
- (d) menuntut cukai input seolah-olah dia tidak pernah berada pada asas pembayaran;
- (e) memberikan apa-apa perisytiharan atau maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya untuk kelulusan.

159. Ketua Pengarah juga boleh membatalkan kelulusan untuk melindungi hasil.

160. Di mana kelulusan untuk asas pembayaran telah dibatalkan, orang kena cukai hendaklah mengakaun dan membayar semua CBP yang belum diakaunkan dan membayar mengikut asas pembayaran.

161. Di mana terdapat pertukaran dalam asas pengakaunan, orang berdaftar hendaklah membuat pelarasan cukai dan memaklumkan pegawai CBP mengenai cukai kena dibayar berkenaan pertukaran asas pengakaunan tersebut.

Penyata CBP

162. Setiap orang kena cukai adalah dikehendaki untuk mengakaunkan cukai dalam penyata CBP dengan menggunakan borang GST-03.

Mendapatkan Borang Penyata CBP

163. Borang penyata CBP boleh didapati melalui beberapa cara seperti berikut:

- (a) Bagi pengguna e-perkhidmatan, borang GST-03 boleh memuat turun dari portal GST.
- (b) Bagi bukan pengguna e-perkhidmatan, orang kena cukai boleh memuat turun dan mencetak borang GST-03 daripada portal GST;
- (c) Selain itu, orang kena cukai juga boleh memohon salinan bercetak borang GST-03 dari pejabat CBP terdekat atau menghubungi Pusat Panggilan Kastam.

Tarikh Akhir mengemukakan Penyata CBP

164. Penyata CBP hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai.

165. Jika tempoh bercukai bagi orang kena cukai tidak berakhir pada hari terakhir bulan tersebut, penyata CBP hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir dalam tempoh tiga puluh hari dari berakhirnya tempoh bercukai yang pelbagai itu.

Pengemukakan Penyata CBP

166. Orang kena cukai boleh mengemukakan penyata CBP melalui cara-cara berikut:

- (a) secara elektronik;
- (b) menghantar secara pos ke Pusat Pemprosesan GST; atau
- (c) mengemukakan ke Pusat Pemprosesan GST.

167. Penyata CBP hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai yang kena bayar atau tidak.

Notis taksiran CBP

168. Ketua Pengarah boleh menaksirkan jumlah cukai termasuk penalti yang genap masa dan kena dibayar oleh orang kena cukai yang gagal memberi penyata CBP bagi tempoh bercukai tersebut. Notis taksiran CBP akan dihantar kepada orang kena cukai.

Penyata Pindaan CBP

169. Jika orang berdaftar telah membuat kesilapan dalam mengisytihar penyata CBP dia boleh membetulkan kesalahan/kesilapan dengan membuat pindaan dalam penyata (GST-03). Bagi orang seseorang yang bukan orang kena cukai, pindaan tersebut perlu dibuat dalam borang GST-04. Penalti pembayaran lewat tidak akan dikenakan ke atas sebarang pindaan yang dibuat tidak lewat daripada tarikh akhir penyata. Selepas tarikh akhir penyata, sebarang kesilapan hendaklah dibuat melalui pengisytiharan secara sukarela oleh orang berdaftar.

170. Pengisytiharan sukarela oleh mana-mana orang akan layak mendapatkan pengurangan penalti pembayaran lewat tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (a) pengisytiharan sukarela hendaklah dibuat selepas tarikh akhir penyata;
- (b) kesilapan dan kesalahan mestilah tulen;
- (c) pengisytiharan sukarela mesti dibuat oleh seseorang dan tidak dikesan semasa audit dijalankan oleh Kastam;
- (d) hanya berkaitan dengan lebih tuntutan cukai input atau kurang bayar cukai output yang diikrarkan;
- (e) pengisytiharan sukarela dibuat dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh cukai kena dibayar atau sebelum kes itu telah dipilih untuk diaudit; dan

- (f) pengisytiharan sukarela terpakai apabila bayaran penuh dibuat pada masa pengisytiharan.

171. Tiada sekatan dalam bilangan bagi orang kena cukai untuk mengemukakan pengisytiharan sukarela. Walau bagaimanapun, setiap pengisytiharan sukarela bagi kurang bayar CBP hendaklah disertakan dengan bayaran yang perlu dibayar sepenuhnya bagi menikmati kadar diskaun ke atas penalti pembayaran lewat.

172. Pengisytiharan sukarela juga boleh digunakan untuk meminda apa-apa cukai input dan cukai output yang diikrarkan dalam penyata sebelumnya yang mungkin tidak menyebabkan apa-apa perubahan dalam jumlah cukai bersih yang diikrarkan.

173. Untuk pengisytiharan sukarela kesilapan yang melibatkan terlebih bayar CBP, seseorang itu boleh memohon untuk mendapatkan pembayaran balik dan membuat pindaan dalam GST-03 atau GST-04.

Penyata Akhir CBP

174. Mana-mana orang kena cukai yang berhenti dari berdaftar hendaklah memberi penyata akhir CBP tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari daripada tarikh orang berkenaan berhenti daripada berdaftar.

Pembayaran

175. Seseorang orang kena cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan penyata CBP hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah jumlah cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya.

Tarikh akhir pembayaran

176. Apa-apa cukai yang genap masa berhubung dengan tempoh bercukai kena dibayar tidak lewat daripada hari terakhir yang mana orang kena cukai tersebut dikehendaki memberi penyata CBP tersebut.

Kaedah pembayaran

177. Pembayaran cukai boleh dibuat melalui:-

- (a) Pindahan dana elektronik (*EFT*);
- (b) Cek;
- (c) Deraf bank; atau
- (d) Kiriman wang atau wang pos;

Tempat Pembayaran

178. Apa-apa pembayaran boleh dibuat di:-

- (a) Pusat Pemprosesan GST;
- (b) online (Portal bank/GST); atau
- (c) bank yang ditetapkan.

Portal GST juga menyediakan kemudahan bagi orang kena cukai melalui pindahan dana secara elektronik atau EFT.

Masa Pembayaran

179. Apa-apa cek, bank deraf, kiriman wang atau wang pos bagi pembayaran cukai dianggap sebagai sudah diterima jika:

- (a) melalui pos, tarikh tanda pos adalah tarikh penerimaan; atau
- (b) dibayar di Pusat Pemprosesan GST, tarikh bayaran adalah tarikh penerimaan.

180. Apa-apa pembayaran yang dibuat melalui pindahan kredit bank adalah dianggap sebagai diterima jika jumlah pembayaran dibuat di bank.

Penalti Pembayaran Lewat

181. Jika apa-apa cukai genap masa dan kena dibayar masih belum dibayar oleh seseorang setelah hari terakhir ianya menjadi genap masa dan kena dibayar, penalti akan dikenakan seperti berikut:-

Cukai belum dibayar	Kadar penalti	Kumulatif
1- 30 hari	5%	5 %
31 - 60 hari	5%	10 %
61 -90 hari	3%	13 %
91 -120 hari	3%	16%
121 - 150 hari	3%	19%
151 - 180 hari	3%	22%
181 hari atau lebih	3%	25%

Pengisytiharan dan Pembayaran CBP oleh orang bukan kena cukai

182. Orang bukan kena cukai adalah bertanggung untuk mengakaun cukai dalam borang pengikraran dengan menggunakan borang GST-04. Pengikraran itu hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya dari bulan yang mana pembekalan dibuat atau dianggap sebagai telah dibuat.

183. Contoh orang bukan kena cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan pengikraran CBP adalah:-

- (a) mana-mana orang yang mengimport perkhidmatan bagi tujuan perniagaan;
- (b) mana-mana ejen yang bertindak atas namanya sendiri sebagai pelelong; atau
- (c) mana-mana orang yang diluluskan di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan (ATMS) sebagai orang menerima barang diproses dari pengilang tol.

184. Mana-mana orang bukan kena cukai yang dikehendaki mengemukakan pengisytiharan CBP hendaklah membayar jumlah cukai genap masa dan kena dibayar olehnya tidak lewat dari hari terakhir yang mana ia dikehendaki mengemukakan pengisytiharan itu.

KREDIT CUKAI INPUT

185. Bahagian ini memberi panduan mengenai tatacara tuntutan kredit bagi cukai input untuk perniagaan.

Cukai Input

186. Cukai input merupakan CBP ditanggung oleh orang kena cukai keatas pembelian barangan perniagaan bagi tujuan membuat pembekalan bercukai. Pembelian barangan perniagaan dan perolehan termasuk:

- (a) barang atau perkhidmatan belian atau perolehan tempatan; dan
- (b) barang atau perkhidmatan diimport

187. Cukai input termasuk tambahan apa-apa kadar sama rata yang dikenakan oleh orang yang diluluskan di bawah skim kadar sama rata yang termasuk dalam balasan perbekalan apa-apa barang bercukai yang dibekal olehnya dalam aktiviti yang ditetapkan di bawah skim ini.

Mekanisme menuntut Cukai Input

188. Tuntutan untuk cukai input boleh dibuat dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana pembekalan atau pengimportan berlaku melalui cara 'offset' dengan cukai output. Bayaran balik akan dibuat kepada penuntut jika amaun cukai input adalah melebihi amaun cukai output.

189. Sekiranya cukai input tidak dituntut dalam tempoh bercukai orang kena cukai seharusnya membuat tuntutan, maka cukai input itu boleh dituntut dalam tempoh enam

(6) tahun selepas tarikh pembekalan itu kepada atau pengimportan oleh orang kena cukai.

Cukai Input Dibenarkan

190. Cukai input ditanggung ke atas pembekalan berikut dibenarkan untuk dituntut:

- (a) pembekalan bercukai (pembekalan berkadar standard dan sifar);
- (b) pembekalan yang tidak diambil kira seperti pembekalan antara ahli kumpulan yang didaftarkan dibawah pendaftaran kumpulan;
- (c) pembekalan sampingan yang dikecualikan seperti pinjaman antara syarikat dan pinjaman kepada staf
- (d) pembekalan yang diberi pelepasan, atau
- (e) pembekalan dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia.

Kriteria menuntut cukai input

191. Cukai input ditanggung boleh ditolak daripada cukai output di bawah keadaan berikut:

- (a) Orang yang membuat tuntutan adalah orang kena cukai;
- (b) Barang dan perkhidmatan yang diperolehi adalah untuk tujuan perniagaan;
- (c) Barang atau perkhidmatan yang diperolehi bagi tujuan membuat pembekalan bercukai;
- (d) Orang yang membuat tuntutan hendaklah memegang invois cukai yang sah berkaitan dengan pembekalan itu atau dokumen pengimportan kastam No. 1 yang sah berkaitan dengan pengimportan barang;

- (e) Invois cukai lengkap hendaklah dikeluarkan di atas nama orang yang membuat tuntutan. Invois cukai yang dikeluarkan di atas nama pekerja tidak layak menuntut kredit cukai input; dan
- (f) Barang atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada sekatan cukai input seperti kenderaan penumpang bermotor, faedah keluarga dan yuran kelab.

Cukai Input disekat

192. Cukai input yang ditanggung oleh orang kena cukai berhubung pembekalan berikut yang tidak dibenarkan kredit di bawah CBP:

- (a) pembekalan kepada atau pengimportan motokar penumpang olehnya;
- (b) sewaan motokar penumpang;
- (c) yuran kelab;
- (d) premium insuran perubatan dan kemalangan peribadi;
- (e) perbelanjaan perubatan;
- (f) faedah keluarga; dan
- (g) perbelanjaan hiburan kepada seseorang selain daripada pekerja kecuali perbelanjaan hiburan yang ditanggung oleh seseorang yang dalam perniagaan menyediakan hiburan.

193. *Motokar penumpang* bermaksud sebuah motokar yang kebiasaannya digunakan di atas jalan raya yang dibina atau disesuaikan untuk muatan tidak melebihi sembilan orang penumpang termasuk pemandu dan berat kenderaan tidak termasuk penumpang adalah tidak melebihi tiga ribu kilogram. Motokar penumpang tidak termasuk:

- (a) apa-apa kenderaan perkhidmatan awam yang dilesenkan dibawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau kenderaan pelancongan dibawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;

- (b) motokar yang dibekalkan kepada atau diimport oleh orang kena cukai untuk kegunaan sewa atau penjualan oleh orang kena cukai tersebut yang merupakan penjual motokar terpakai di bawah Akta Penjual Kereta Terpakai 1946;
- (c) kenderaan yang diluluskan untuk kegunaan khusus kelas memandu oleh sekolah atau institut memandu yang dibenarkan dibawah Peraturan Kenderaan Bermotor (Sekolah Memandu) 1992;
- (d) motokar yang dijadikan sebahagian daripada stok perniagaan pengilang kenderaan atau penjual motokar; dan
- (e) apa-apa motokar yang digunakan khusus untuk perniagaan seperti telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

194. *Yuran kelab* bermaksud apa-apa yuran masuk, yuran keahlian, bayaran pindah atau balasan lain yang dikenakan oleh mana-mana kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi yang ditubuhkan khusus bagi tujuan rekreasi atau sukan atau oleh pemindah bagi keahlian kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi.

195. *Premium insurans perubatan dan perlindungan kemalangan peribadi atau sumbangan takaful* bermaksud apa-apa pembayaran atau sumbangan kepada mana-mana kontrak insurans atau sijil takaful berikut:

- (a) kontrak/sijil membekalkan insurans atau takaful bagi melindungi orang kena cukai terhadap kos bagi rawatan perubatan kepada mana-mana orang;
- (b) kontrak/sijil bagi pembekalan insurans atau takaful terhadap kos rawatan perubatan di mana orang yang diinsuranskan atau peserta adalah mana-mana orang yang digajikan oleh orang kena cukai; atau
- (c) kontrak bagi membekal insurans bagi apa-apa kemalangan peribadi yang mana orang yang diinsuranskan atau peserta adalah mana-mana orang yang digajikan oleh orang kena cukai.

196. *Perbelanjaan perubatan* bermaksud apa-apa perbelanjaan perubatan atau pergigian yang berkaitan dengan penyediaan rawatan perubatan atau pergigian kepada mana-mana orang digajikan orang kena cukai.

197. *Manfaat keluarga* bermaksud apa-apa faedah (termasuk apa-apa bentuk layanan) yang diberi oleh orang kena cukai bagi faedah mana-mana orang yang merupakan isteri, suami, anak atau saudara mana-mana orang yang diambil bekerja oleh orang kena cukai bagi tujuan apa-apa perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh orang kena cukai.

198. *Perbelanjaan keraian* termasuklah-

- (a) pemberian apa-apa makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk hospitaliti, atau
- (b) peruntukan tempat kediaman atau perjalanan yang berkaitan dengan penyediaan makanan, minuman atau rekreasi;

oleh seseorang atau seorang pekerja sesiapa sahaja untuk beliau yang berkaitan dengan perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh orang itu.

199. *Pekerja*, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud:

- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan; atau
- (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.

200. *Rekreasi atau hospitaliti* termasuk:

- (a) lawatan ke taman permainan atau pusat rekreasi;
- (b) penginapan di tempat peranginan;
- (c) tiket untuk menunjukkan atau teater; dan

- (d) kemasukan ke aktiviti / acara sukan.

201. Perbelanjaan hiburan kepada ahli keluarga dan orang yang berpotensi menjadi pelanggan (bukan pelanggan yang sedia ada) adalah tidak dibenarkan.

Pembekalan Kewangan Sampingan yang Dikecualikan

202. Orang kena cukai layak menuntut cukai input yang dikaitkan kepada pembekalan kewangan yang dikecualikan jika orang kena cukai tersebut bukan institusi kewangan seperti dinyatakan di perenggan di bawah:

- (a) deposit wang;
- (b) pertukaran mata wang sama ada dipengaruhi oleh pertukaran mata wang, wang kertas atau syiling secara mengkreditkan atau mendebit akaun atau sebaliknya.
- (c) pegangan bon, debentur, nota atau instrumen yang serupa mewakili atau membuktikan hutang samada terjamin atau sebaliknya;
- (d) pemindahan hakmilik sekuriti atau derivatif yang berkaitan dengan sekuriti;
- (e) Pemberian oleh orang kena cukai apa-apa pinjaman, pendahuluan kredit atau kemudahan lain yang seumpamanya sama ada bercagar atau tidak kepada pekerjaanya atau antara orang yang mempunyai kaitan;
- (f) pegangan atau penebusan hakmilik apa-apa unit atau instrumen lain yang serupa mewakili atau membuktikan pelaburan dibawah dana amanah; dan
- (g) melindungi nilai apa-apa risiko kadar faedah, risiko mata wang, risiko harga utility, risiko harga pengangkutan atau risiko harga komoditi.

203. Institusi kewangan yang disebut di perenggan di atas merujuk kepada:

- (a) bank atau mana-mana institusi kewangan lain yang perlu dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA), Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA);

- (b) mana-mana institusi pembangunan kewangan seperti ditetapkan di bawah Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002 atau apa-apa Akta Parlimen;
- (c) seseorang peminjam wang yang dikehendaki dilesenkan di bawah Akta Peminjam Wang 1951;
- (d) Seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;
- (e) seseorang yang dikehendaki dilesenkan di bawah FSA, IFSA atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990 tidak termasuk broker insurans, ejen insurans, penyelaras insurans atau penyelaras insurans kewangan;
- (f) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (g) seorang pemegang pajak gadai yang dikehendaki untuk dilesenkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 atau seseorang pemegang pajak gadai yang mematuhi prinsip Syariah;
- (h) seorang yang membekalkan barang dan menyediakan kewangan di bawah satu perjanjian yang menetapkan bahawa harta tersebut akan diserahkan pada masa yang ditetapkan akan datang;
- (i) syarikat kad kredit, kad caj atau kad debit; atau
- (j) apa-apa pelaburan atau unit amanah tidak termasuk amanah pelaburan hartanah.

Pembayaran balik cukai Input

204. Pembayaran balik cukai input akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja bagi penyerahan penyata secara elektronik dan dua puluh lapan (28) hari bekerja

bagi penyerahan penyata secara manual daripada tarikh penyata diterima. Keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai input yang kena dibayar kepada orang kena cukai dalam mana-mana tempoh bercukai boleh dibawa ke hadapan dalam mana-mana tempoh bercukai selanjutnya melalui permohonan secara bertulis oleh orang kena cukai atau di bawah arahan Ketua Pengarah. Cukai, penalti atau surcaj yang terlebih bayar atau tersilap bayar oleh orang kena cukai atau bukan orang kena cukai boleh dituntut dalam borang yang ditetapkan (GST-03 atau GST-04) dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh berlakunya lebihan atau kesilapan bayaran.

205. Ketua Pengarah boleh menahan pembayaran balik jika:

- (a) orang kena cukai gagal untuk menyerahkan apa-apa penyata terdahulu atau memberi maklumat;
- (b) terdapat alasan yang munasabah bahawa pembayaran balik itu bukan kena dibayar kepada orang kena cukai itu; atau
- (c) orang kena cukai tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

206. Apa-apa pembayaran balik kredit cukai input boleh diimbang dengan CBP yang belum dibayar, cukai jualan yang belum dibayar, cukai perkhidmatan yang belum dibayar, apa-apa penalti kena bayar, apa-apa surcaj terakru, apa-apa fi, wang lain kena dibayar, duti eksais, duti import dan eksport.

Cukai Input berkaitan dengan Pendaftaran

207. Tuntutan cukai input berhubung dengan pendaftaran melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

(a) Pra penubuhan

Perbelanjaan pra penubuhan adalah perbelanjaan yang ditanggung bagi pembekalan yang dibuat sebelum penubuhan contohnya perkhidmatan kesetiausahaan, perkhidmatan guaman dan perbelanjaan pengurusan

seperti pembelian pejabat baru, meja dan kerusi. Perbelanjaan penubuhan ini tidak layak dituntut kredit bagi cukai input.

(b) Pra Pendaftaran

Perkhidmatan ditanggung sebelum pendaftaran (pendaftaran sukarela dan mandatori termasuk pendaftaran lewat) tidak layak diberikan kredit cukai input. Walau bagaimanapun, bagi barang, orang kena cukai layak menuntut kredit cukai input ke atas barang yang masih dalam simpanannya semasa pendaftaran. Bagi barang yang telah digunakan, CBP yang dibayar ke atas barang tersebut tidak layak dituntut. Barang yang telah digunakan adalah termasuk barang-barang yang telah digunakan sebahagiannya dan dimasukkan ke dalam barang-barang lain. Bagi barang harta modal, cukai input boleh dituntut berdasarkan nilai baki. Cukai input tidak boleh dituntut ke atas barang atau perkhidmatan yang telah digunakan.

(c) Pendaftaran Lewat

Jika seseorang mendaftar lewat daripada tarikh yang dia sepatutnya kena didaftarkan, dia berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas:

- (i) barang-barang atau perkhidmatan yang digunakan dalam membuat bekalan bercukai sepanjang tempoh beliau sepatutnya kena didaftarkan;
- (ii) barang (termasuk barang harta modal) dalam pegangan pada masa dia didaftarkan dan digunakan dalam membuat pembekalan bercukai.

Apa-apa cukai input yang dikaitkan kepada pembuatan pembekalan bercukai yang dibuat dalam tempoh di mana orang kena cukai sepatutnya kena didaftarkan (sehingga kepada tempoh maksimum enam tahun) boleh dituntut oleh orang itu. Walau bagaimanapun, tuntutan bagi cukai input itu mesti dituntut dalam penyata pertama yang mula-mula dikemukakan. Jika

orang kena cukai gagal menuntut cukai input pada masa dia berdaftar, bermakna dia tidak lagi layak untuk menuntut cukai input tersebut enam (6) tahun dari tarikh dia kena didaftarkan.

(d) Pembatalan Pendaftaran

Apabila pendaftaran telah dibatalkan, orang itu tidak boleh menuntut cukai input atas bekalan yang diperolehi pada atau selepas tarikh pembatalan pendaftaran. Walau bagaimanapun, beliau perlu mengakaun cukai ke atas stok dan barang harta modal yang masih dalam pegangan sebagai cukai output jika cukai input telah dituntut untuk barang-barang itu. Bagi pembekalan bercampuran di mana aset perniagaan yang digunakan untuk membuat suatu pembekalan dikecualikan dan dia menghentikan perniagaan, beliau tidak perlu untuk mengakaunkan CBP. Dia hanya mengakaunkan CBP jika cukai input atas aset dibenarkan. Begitu juga, jika dia membeli barang-barang dari bukan orang kena cukai dan dia menghentikan perniagaan, dia juga tidak perlu untuk mengambil kira CBP.

Jika seseorang gagal untuk menuntut apa-apa cukai input selain daripada cukai input yang dinyatakan dalam pasca pembatalan pendaftaran, dia masih layak untuk menuntut cukai input tersebut selepas pembatalan pendaftarannya dengan syarat tuntutan itu dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran atau dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh pembekalan yang mana lebih awal. Dia perlu mengambil kira dalam penyata asal di mana beliau gagal untuk menuntut cukai input.

(e) Pasca Pembatalan Pendaftaran

Seseorang yang pernah tetapi tidak lagi menjadi orang kena cukai layak menuntut cukai input ke atas perkhidmatan berkaitan dengan proses pembatalan pendaftaran seperti yuran kesetiausahaan dan audit. Pindaan hendaklah dibuat dalam GST-03 bagi sebarang tuntutan pasca pembatalan pendaftaran bagi tempoh bercukai yang terlibat.

Cukai Input berkaitan Urusniaga Khas dan Skim Khas

208. Tuntutan cukai input yang berkaitan dengan transaksi khas dan skim khas adalah seperti berikut:

(a) Pemindahan Perniagaan secara berterusan

Pemindahan perniagaan secara berterusan dari setiap orang berdaftar kepada orang lain berdaftar tidak dianggap sebagai bekalan untuk tujuan CBP. Umpamanya, CBP tidak dikenakan ke atas bekalan, tidak ada cukai input yang boleh dituntut oleh penerima pindahan (pembeli). Walau bagaimanapun, apa-apa CBP yang ditanggung oleh kedua-dua pemindah (penjual) dan penerima pindahan yang mana bersampingan dengan pemindahan perniagaan secara berterusan seperti yuran guaman dan perakaunan semasa proses pemindahan, adalah layak untuk kredit cukai input.

(b) Usaha sama

Dalam usahasama, pembekalan boleh diperolehi oleh pengendali usaha atau pengusaha. Jika pengendali usaha memperoleh apa-apa bekalan untuk tujuan usahasama, dia boleh menuntut potongan cukai input atas pembekalan itu. Dalam kes di mana pengusaha memperoleh apa-apa bekalan berkenaan usahasama, dia boleh menuntut potongan cukai input atas pembekalan itu.

(c) Skim Kadar Sama Rata

Di bawah Skim Kadar sama rata, orang yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang ditetapkan boleh mengenakan tambahan kadar rata kepada orang berdaftar. Seseorang berdaftar (penerima) boleh menuntut tambahan kadar rata ke atas pembekalan bercukai barang yang diperolehinya sebagai cukai input.

(d) Pasaran Modal

Bawah pasaran ekuiti, broker saham dan remisier dianggap sebagai satu entiti tunggal dan dalam pasaran niaga hadapan, broker niaga hadapan dan wakil broker niaga hadapan beliau juga dianggap sebagai satu entiti tunggal. Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh remisier atau wakil broker niaga hadapan untuk tujuan perniagaan seperti caj tempat letak kereta, perkhidmatan telekomunikasi, komputer riba dan perkhidmatan internet hendaklah dituntut oleh broker saham atau broker niaga hadapan kerana pendaftaran adalah di bawah nama broker saham atau niaga hadapan broker. Wakil remisier atau broker niaga hadapan tidak boleh menuntut cukai input yang ditanggung olehnya. Di samping itu, broker saham atau broker niaga hadapan boleh menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung olehnya bagi maksud perniagaan membuat pembekalan bercukai.

Cukai input berkaitan kegunaan sendiri

209. Sesetengah aset perniagaan digunakan untuk tujuan perniagaan serta kegunaan peribadi. Jika aset perniagaan yang digunakan untuk tujuan perniagaan, orang berdaftar dibenarkan untuk menuntut cukai input atas aset perniagaan. Walau bagaimanapun, orang berdaftar dikehendaki untuk mengakaunkan CBP bagi penggunaan aset perniagaan untuk kegunaan peribadi.

(a) Pembekalan yang digunakan oleh Pengarah atau staf

Jika apa-apa cukai input yang dikecualikan daripada mana-mana kredit CBP (cukai input disekat), orang kena cukai tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input tersebut. Contohnya, syarikat tidak boleh menuntut cukai input yang ditanggung atas kereta penumpang yang digunakan oleh pengarah atau pengurus kanan.

Sebaliknya, orang kena cukai dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas aset perniagaan yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai jika:

- (i) cukai input pada bekalan (aset perniagaan) tidak disekat; dan
- (ii) aset perniagaan digunakan oleh seorang pengarah atau kakitangan perniagaan selain daripada untuk tujuan perniagaan (kegunaan peribadi).

Walau bagaimanapun, beliau dikehendaki untuk mengakaun CBP ke atas penggunaan peribadi aset perniagaan berkenaan. Satu contoh ialah penggunaan komputer riba. Sebuah syarikat adalah layak untuk menuntut cukai input ke atas komputer riba yang mana ia digunakan untuk membuat pembekalan bercukai tetapi dikehendaki untuk mengakaun CBP ke atas kegunaan peribadi komputer riba tersebut.

(b) Produk Bersepadu Digunakan untuk Membuat Pembekalan Bercukai

Jika orang kena cukai menggunakan produk bersepadu untuk membuat satu lagi pembekalan bercukai, dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa cukai input mengenai bekalan yang digunakan dalam membuat produk bersepadu. Contohnya, sebuah syarikat boleh menuntut cukai input pada resin plastik yang digunakan untuk membuat botol plastik (produk bersepadu) yang digunakan sebagai bekas untuk minyak atau air mineral.

(c) Produk Bersepadu Digunakan untuk Membuat Pembekalan Dikecualikan

Sebaliknya, sesetengah perniagaan boleh menggunakan produk bersepadu untuk membuat pembekalan dikecualikan. Dalam kes sedemikian, orang kena cukai tidak dibenarkan untuk menuntut apa-apa cukai input terhadap pembekalan yang digunakan untuk membuat produk bersepadu. Contohnya, pemaju perumahan mengeluarkan parit pembentung (produk bersepadu) untuk kegunaan bagi membina rumah kediaman. Cukai input pada simen dan pasir tidak dibenarkan untuk dituntut kerana pembekalan rumah kediaman adalah pembekalan yang dikecualikan.

Cukai input berkaitan perubahan dalam penggunaan

210. Secara umumnya, cukai input boleh dituntut apabila orang kena cukai bercadang untuk membuat pembekalan bercukai. Perubahan penggunaan wujud jika terdapat perubahan dalam niat atau terdapat perubahan sebenar dalam penggunaan. Ini akan membawa kepada lebih potongan atau kurang tuntutan cukai input. Jika terdapat perubahan dalam penggunaan, orang kena cukai hendaklah membuat pelarasan terhadap cukai input yang telah dituntut sebelumnya.

211. Lebih potongan akan berlaku apabila peratusan penggunaan bagi pembekalan bercukai telah menurun. Sebaliknya, kurang tuntutan merujuk kepada situasi di mana peratusan penggunaan telah meningkat.

(a) Lebih potongan

Apabila seorang orang berdaftar telah terlebih potong cukai inputnya disebabkan oleh perubahan dalam penggunaan barang atau perkhidmatan yang diperolehi, beliau dikehendaki untuk membuat pelarasan kepada cukai input yang terlebih potong sebagai cukai output di dalam penyata cukai bagi tempoh bercukai di mana perubahan dalam penggunaan berlaku dan perlu membayar balik cukai tersebut sewajarnya.

(b) Kurang tuntutan

Apabila seorang orang berdaftar telah kurang tuntutan cukai input disebabkan oleh perubahan dalam penggunaan barang dan perkhidmatan yang diperolehi, pelarasan perlu dibuat ke atas kurang tuntutan cukai input tersebut sebagai cukai input di dalam penyata cukai bagi tempoh bercukai di mana perubahan bagi penggunaan tersebut berlaku.

Cukai Input berkaitan Asas Pengakaunan

212. Tuntutan cukai input berhubung dengan asas pengakaunan adalah seperti berikut:

(a) Asas Invois

Secara umumnya, orang berdaftar dikehendaki untuk mengakaun cukai menggunakan asas invois. Di bawah asas invois, orang berdaftar adalah layak untuk menuntut cukai input apabila dia menerima invois cukai walaupun bayaran masih belum dibuat ke atas pembekalan yang diperolehinya.

(b) Asas Pembayaran

Seseorang berdaftar boleh memohon untuk mengakaun CBP menggunakan asas pembayaran. Di bawah asas pembayaran, orang berdaftar adalah layak untuk menuntut cukai input apabila dia telah membuat pembayaran bagi bekalan yang diperolehinya walaupun beliau belum menerima sebarang invois cukai.

Perubahan Asas Pengakaunan

213. Jika terdapat perubahan dalam asas pengakaunan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, orang kena cukai dikehendaki membuat pelarasan yang mana perlu ke atas cukai input dan memaklumkan kepada Ketua Pengarah dalam penyata CBP yang pertama di mana kelulusan untuk menukar asas pengakaunan berlaku.

PENGECUALIAN SEPARA

214. Bahagian ini menerangkan bagaimana pengecualian separa dibuat berkenaan cukai input yang dikaitkan kepada kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan.

215. Secara umumnya, orang kena cukai berhak untuk menuntut kredit cukai input hanya pada input yang dikaitkan kepada membuat pembekalan bercukai. Cukai input yang dikaitkan kepada pembekalan dikecualikan atau pembekalan di luar skop tidak boleh dituntut.

Pengecualian separa

216. Pengecualian separa terpakai kepada orang kena cukai yang membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan (pembekal bercampur) di mana dia perlu mengagihkan baki cukai input sewajarnya. Contoh baki cukai input termasuk pembayaran ke atas sewa, utiliti dan telefon.

217. Jika cukai input tidak dikaitkan secara langsung kepada pembekalan sama ada bercukai atau dikecualikan, cukai input itu dipanggil sebagai baki cukai input. Jumlah baki cukai input yang boleh dituntut hanya bahagian yang diagihkan dengan pembekalan bercukai. Bahagian ini ditentukan mengikut kepada nisbah pembekalan bercukai kepada jumlah bekalan yang dibuat oleh orang kena cukai mengikut formula berikut:

$$\text{Cukai Input} = \frac{\text{Pembekalan Bercukai}}{\text{Pembekalan Bercukai} + \text{Pembekalan Dikecualikan}} \times \text{Baki Cukai Input}$$

Contoh 14

Syarikat Insuran ABC Insurans memungut premium bagi polisi insurans am berjumlah RM250,000 dan polisi insurans hayat RM150,000 bagi bulan Ogos 2015. Sepanjang tempoh bercukai, Syarikat Insuran ABC membayar CBP ke atas komisen kepada ejen untuk kedua-dua polisi umum dan hayat RM17,000 dan menanggung perbelanjaan operasi seperti sewa pejabat RM3,000.

Cukai input yang boleh dituntut sepanjang tempoh bercukai dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Cukai Input} &= \frac{\text{RM250,000}}{\text{RM250,000} + \text{RM150,000}} \times \text{RM20,000} \\ &= \text{RM12,500} \end{aligned}$$

Seorang yang membuat pembekalan bercampur boleh menuntut penuh amaun baki cukai input yang ditanggung jika amaun pembekalan dikecualikan memenuhi peraturan de minimis. Jika dia tidak memenuhi peraturan de minimis, dia dikehendaki untuk mengagihkan baki cukai input yang ditanggung dengan sewajarnya.

Kaedah pengagihan

218. Di bawah kaedah pengagihan yang standard, peratusan baki cukai input yang dapat dituntut untuk suatu tempoh bercukai dikira dengan membahagikan nilai bercukai dengan jumlah nilai semua pembekalan yang dibuat dalam tempoh bercukai berkenaan. Namun demikian, terdapat beberapa pembekalan seperti nilai pembekalan harta modal, perkhidmatan yang diimport dan pembekalan bersampingan dikecualikan adalah tidak termasuk di dalam kaedah standard.

219. Ketua Pengarah Kastam boleh mengarahkan mana-mana orang kena cukai menggunakan kaedah pengagihan yang lain sekiranya kaedah pengagihan yang standard tidak memberi kepada beliau tuntutan baki cukai input yang adil dan saksama.

220. Orang kena cukai perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kastam untuk menggunakan kaedah pengagihan alternatif. Kelulusan untuk arahan menukar kaedah pengagihan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

221. Beberapa contoh kaedah pengagihan yang lain adalah :

- (a) jumlah transaksi;
- (b) kuantiti output;
- (c) ruang lantai;
- (d) jumlah masa yang digunakan; dan
- (e) kos input.

Pelarasan tahunan

222. Tuntutan ke atas baki cukai input hanyalah untuk sementara (*provisional*). Jumlah yang dituntut mungkin tidak menggambarkan bahagian yang dituntut kerana sentiasa terdapat perubahan (*fluctuation*) pembekalan dalam tempoh bercukai yang berlainan. Untuk mengatasi kekurangan ini, pembekal campuran hendaklah membuat pelarasan tahunan untuk menentukan sama ada terdapat tuntutan berlebihan atau berkurangan ke atas baki cukai input yang dituntut secara sementara dalam tempoh tahun bercukai.

Rukun *De minimus*

223. Orang kena cukai dibenarkan untuk menuntut semua baki cukai input beliau jika jumlah nilai pembekalan dikecualikan tidak termasuk pembekalan kewangan sampingan yang dikecualikan tidak melebihi:

- (a) purata RM5,000 sebulan; dan
- (b) amaun bersamaan 5% daripada jumlah nilai semua pembekalan (sama ada bercukai atau dikecualikan) yang dibekalkan pada tempoh itu.

Untuk penerangan secara terperinci, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Panduan Pengecualian Separa*.

PELARASAN HARTA MODAL

224. Bahagian ini menjelaskan apa yang di maksudkan Pelarasan Harta Modal (CGA) dan bila pelarasan perlu dibuat.

Skim Harta Modal

225. Pada amnya, seseorang orang kena cukai adalah layak untuk menuntut kredit cukai input bagi semua harta modal yang diperoleh dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya. Cukai input boleh dituntut sepenuhnya jika orang kena cukai itu membuat pembekalan bercukai keseluruhannya. Walaupun begitu, jika orang kena cukai itu adalah pembekal campuran, dia hanya boleh menuntut apa-apa cukai input yang

boleh dikaitkan dengan pembekalan bercukainya. Dalam situasi sebegini, Skim Harta modal mestilah digunakan untuk membuat pelarasan kepada tuntutan awal cukai inputnya bagi suatu item harta modal apabila item harta modal itu digunakan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan.

Pelarasan

226. Tuntutan awal cukai input adalah hanya sementara. Walau bagaimanapun, pelarasan perlu jika terdapat perubahan dalam nisbah penggunaan bercukai bagi baki tempoh pelarasan. Tempoh pelarasan untuk tanah dan bangunan adalah sepuluh (10) tahun manakala pelarasan bagi barangan selain daripada tanah dan bangunan terhad kepada lima (5) tahun.

Ketidakbolegunaan Pelarasan

227. Skim ini tidak terpakai dalam hal berikut:

- (a) apabila seorang orang berdaftar membuat pembekalan bercukai keseluruhannya;
- (b) apabila seorang pembekal bercampur memperoleh suatu aset harta modal untuk digunakan hanya untuk membuat pembekalan bercukai;
- (c) apabila seorang pembekal bercampur memperoleh suatu aset harta modal untuk digunakan hanya untuk membuat pembekalan dikecualikan;
- (d) apabila suatu aset diperoleh atau diimport hanya untuk jualan semula;
- (e) aset yang diperoleh digunakan bukan untuk tujuan perniagaan;
- (f) aset diperoleh jatuh di bawah peraturan Sekatan Cukai Input, sebagai contoh kereta penumpang; dan
- (g) apabila nilai suatu aset harta modal yang diperoleh adalah kurang daripada RM100,000.00 tidak termasuk cukai.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan CBP bagi Skim Harta Modal*.

PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN

228. Bahagian ini memberi penjelasan terhadap jenis pembayaran balik dan peremitan selain daripada pembayaran balik cukai input seperti di perenggan 204.

Pembayaran balik

Pembayaran balik untuk terlebih bayar atau terkhilaf bayar

229. Mana-mana orang yang telah terlebih bayar atau terkhilaf bayar apa-apa cukai, penalti atau surcaj boleh membuat suatu tuntutan untuk pembayaran balik dalam masa enam tahun dari masa pembayaran lebih atau pembayaran terkhilaf itu berlaku.

230. Mana-mana orang yang terkhilaf bayar cukai dalam melaksanakan satu perintah yang telah berhenti berkuatkuasa pada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh membuat suatu tuntutan pembayaran balik dalam masa setahun dari tarikh perintah itu berhenti berkuatkuasa. Tuntutan ini boleh melibatkan perubahan pada kadar atau jenis.

231. Bagi tuntutan pembayaran balik, mana-mana orang yang perlu mengemukakan permohonan dan membuat pindaan di dalam borang GST-03 atau GST-04.

Skim Bayar Balik Pelancong

232. Seseorang pelancong layak bagi bayaran balik cukai yang telah dibayar ke atas barang-barang yang dibeli dari Kedai Skim Bayar Balik Pelancong (SBBP) di Malaysia melalui Ejen Bayar Balik Diluluskan.

233. Seorang pelancong layak untuk menuntut bayaran balik CBP sekiranya dia memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) dia bukannya seorang warganegara mahupun penduduk tetap Malaysia dan dia mempunyai pasport antarabangsa yang sah;
- (b) Bagi diplomat asing yang akan meninggalkan negara selepas menamatkan perkhidmatan di Malaysia dan dia mestilah memiliki dokumen daripada misi diplomatik atau konsular yang berkaitan yang menyatakan bahawa dia akan berlepas dari Malaysia;

- (c) dia tidak, dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh pembelian barang-barang tersebut, pada bila-bila masa pernah berkhidmat di Malaysia;
- (d) dia berlepas dari Malaysia melalui kaedah pengangkutan udara;
- (e) dia bukannya ahli kabin atau anak kapal pesawat yang mana dia akan berlepas keluar Malaysia;
- (f) dia telah membeli barang itu dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh berlepas;
- (g) dia telah membelanjakan RM300 atau lebih di Kedai SBBP Diluluskan; dan
- (h) barang itu akan di bawa keluar dari Malaysia ke suatu negara lain bersama-sama pelancong atau sebagai bagasi bersendirian (*unaccompanied luggage*).

234. Para pelancong tidak dibenarkan menuntut bayaran balik atas pembelian barang-barang berikut:

- (a) wain, spirit, bir dan minuman keras malt;
- (b) tembakau dan produk tembakau;
- (c) barang kemas, logam-logam berharga dan batu-batu permata;
- (d) barang-barang yang mana telah dihabiskan kesemuanya atau sebahagiannya di Malaysia;
- (e) barang-barang yang dilarang dari eksport di bawah mana-mana undang bertulis; dan
- (f) barang-barang yang mana tidak dibawa keluar sebagai bagasi diringi atau sendirian.

235. Pelancong yang layak untuk pembayaran balik ini dikehendaki mengisi borang pulang balik di kedai Skim Bayaran Balik Pelancong Diluluskan dan pengesahan daripada Kastam diperlukan bagi membolehkan pelancong mendapatkan bayaran balik daripada Ejen Bayaran Balik di mana-mana lapangan terbang antarabangsa.

236. Untuk maklumat lanjut berkaitan prosedur dan syarat-syarat bagi menuntut bayaran balik di bawah Skim Bayar Balik Pelancong, sila rujuk *Panduan CBP Skim Bayar Balik Pelancong*.

Peremitan

Peremitan oleh Menteri Kewangan

237. Menteri Kewangan boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang genap masa dan kena dibayar (termasuk penalti dan surcaj) oleh mana-mana orang.

238. Permohonan remisi boleh dibuat secara bertulis kepada Menteri Kewangan. Tiada borang tertentu yang perlu diisi tetapi permohonan itu harus disertakan semua maklumat yang berkaitan.

Peremitan oleh Ketua Pengarah

239. Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang kena dibayar atau surcaj yang terakru oleh mana-mana orang jika adalah adil dan saksama untuk berbuat demikian. Permohonan itu boleh dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah dengan mengemukakan bukti dan dokumen sokongan untuk mengesahkan permohonan itu.

240. Ketua Pengarah juga boleh meremit cukai yang kena dibayar atas barang-barang yang diimport yang hilang, dirosakkan atau dimusnahkan semasa di bawah kawalan kastam. Permohonan itu boleh dibuat di pejabat kastam yang berkaitan.

TRANSAKSI/LAYANAN KHAS

E-perdagangan

241. Barang yang dijual melalui transaksi elektronik adalah dikira sama dengan cara seperti mana-mana barang yang dibekalkan dalam cara yang konvensional. Ini bermakna

bahawa pembekal dikehendaki untuk mengenakan CBP apabila dia membekalkan barang.

242. Bagi pembekalan perkhidmatan, status di mana kedua-dua pembekal dan penerima berada akan menentukan layanan ke atas pembekalan berkenaan. CBP perlu dikenakan ke atas apa-apa pembekalan perkhidmatan jika kedua-dua pembekal dan penerima berada di Malaysia. Pembekal atau penerima dikira sebagai berada di Malaysia jika dia mempunyai alamat *protocol internet* Malaysia (IP) jika sebaliknya dia dikira sebagai berada di luar Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai E-perdagangan*.

Baucar, Token dan Setem

Baucar/Token

243. Baucar atau token melayakkan pemegangnya untuk menerima barang atau perkhidmatan yang selaras dengan termannya. Terdapat dua jenis baucar:-

- (a) *Wang* – satu nilai wang dinyatakan pada baucar / token atau terkandung dalam kad sebagai kredit seperti kad telefon.
- (b) *Bukan Wang* – peruntukan barang atau perkhidmatan yang dinyatakan secara spesifik pada baucar / token seperti melayakkan pemegang untuk dua malam menginap di sebuah hotel.

244. Bagi baucar / token jenis wang, CBP dikenakan apabila baucar / token ditebus bukannya pada masa apabila baucar / token dikeluarkan. Orang kena cukai yang mengeluarkan baucar / token tidak perlu untuk mengenakan CBP ke atas pengeluaran tersebut melainkan balasan itu melebihi nilai wang. Dalam hal yang sedemikian, CBP dikenakan ke atas jumlah lebih nilai wang tersebut.

245. Baucar diskaun dikira sebagai baucar wang. Apabila baucar jenis ini digunakan untuk membeli barang atau perkhidmatan, CBP dikenakan ke atas harga selepas diskaun.

246. Bagi baucar / token jenis bukan wang, CBP hendaklah diakaunkan pada masa apabila baucar / token dikeluarkan. Apabila ianya ditebus, tiada CBP dikenakan ke atas penebusan berkenaan.

247. Jika baucar / token bukan wang tidak ditebus akibat pembatalan atau telah tamat tempoh, CBP pada baucar / token yang tidak ditebus boleh dituntut oleh pengeluar dengan syarat nota kredit dikeluarkan kepada pemegang. Pelarasan perlu dilakukan pada penyata CBP.

Setem (selain setem pos)

248. Secara umumnya, setem diberikan secara percuma sebagai strategi promosi perniagaan. Hadiah setem adalah pembekalan yang memberi hak untuk mendapatkan sesuatu pada masa akan datang dan oleh itu ianya tidak dikira sebagai pembekalan. Setem biasanya diberikan apabila pelanggan membeli barang atau perkhidmatan tertentu daripada peruncit di mana CBP dikenakan ke atas nilai penuh pembekalan berkenaan. Apabila setem itu digunakan untuk menebus barang atau perkhidmatan, penebusan tersebut adalah tertakluk kepada CBP. Pengendali penebusan hendaklah mengakaunkan cukai output berdasarkan nilai pasaran terbuka bagi penebusan barang atau perkhidmatan tersebut.

249. Layanan yang sama terpakai ke atas barang atau perkhidmatan yang mana ditebus sebahagiannya menggunakan setem dan sebahagian lagi menggunakan wang yang mana cukai output hendaklah diakaunkan berdasarkan nilai pasaran terbuka bagi barang atau perkhidmatan yang ditebus. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Peruncitan*.

Manfaat Pekerja

250. Manfaat pekerja boleh termasuk apa-apa hak, keistimewaan atau kemudahan yang disediakan percuma kepada pekerja sepertimana yang termaktub di bawah kontrak pekerjaan. Manfaat pekerja adalah tidak tertakluk kepada CBP, walaupun begitu cukai input yang ditanggung layak dituntut. Contoh manfaat pekerja termasuk barang yang diberi percuma kepada pekerja, pinjaman tanpa faedah kepada pekerja, percutian, kemudahan tempat tinggal dan kemudahan pengangkutan.

251. Jika apa-apa barang yang diberikan percuma kepada pekerja tidak termaktub di bawah kontrak pekerjaan, ianya dikira sebagai pembekalan oleh majikan dan dikenakan CBP jika pembekalan tersebut pembekalan bercukai. Walau bagaimanapun, CBP tidak dikenakan dalam kes-kes berikut:-

- (a) jika pembekalan adalah pembekalan berkadar sifar;
- (b) jika cukai input ke atas pembekalan tersebut tidak dibenarkan sebagai kredit; atau
- (c) jika kos ke atas pembekalan barang yang diberikan kepada pekerja yang sama dalam tahun yang sama tidak melebihi RM500.

252. Berbeza dengan barang, perkhidmatan yang disediakan percuma kepada pekerja dikira sebagai bukan suatu pembekalan dan dengan itu tidak tertakluk kepada CBP.

253. Barang atau perkhidmatan yang diperolehi dan diberikan sebagai manfaat pekerja kepada pekerja adalah dianggap sebagai digunakan untuk tujuan perniagaan dan majikan layak untuk kredit cukai input.

Pertubuhan dan organisasi yang serupa

254. Pertubuhan dan organisasi yang serupa adalah merujuk kepada apa-apa kelab jenis organisasi berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

255. Pembekalan barang atau perkhidmatan oleh mana-mana pertubuhan atau organisasi yang serupa hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan jika:-

- (a) pembekalan kepada anggotanya yang berhubung dengan tujuan dan matlamatnya dan tersedia tanpa bayaran selain daripada yuran keanggotaan dan nilai pembekalan itu adalah nominal; atau
- (b) pembekalan kepada penderma atau penaja yang tidak mempunyai nilai komersil.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Pertubuhan dan Organisasi yang serupa (termasuk Badan Amal)*.

Badan Amal

256. Badan amal yang ditubuhkan semata-mata untuk tujuan amal dan untuk faedah masyarakat atau sebahagian besar yang ketara untuk tujuan tersebut. Badan amal boleh terlibat di dalam aktiviti perniagaan dan bukan perniagaan.

257. Semua badan amal hendaklah berdaftar dan mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai jika:-

- (a) mereka menjalankan perniagaan; dan
- (b) pembekalan mereka melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

Badan ini perlu membayar CBP ke atas pengambilalihan.

258. Badan amal terpilih adalah diberi pelepasan cukai untuk memperoleh barang atau perkhidmatan tertentu bagi tujuan amal dan dilepaskan daripada mengenakan CBP (bagi orang berdaftar CBP) ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan kepada anggotanya selaras dengan objektif sama ada pembekalan secara percuma, pada kos nominal atau caj nominal seperti yang dinyatakan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Badan amal terpilih merujuk kepada badan amal untuk orang kurang upaya dan cacat; anak yatim dan kanak-kanak; dan pusat penjagaan kesihatan dan pemulihan warga emas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Pertubuhan dan Organisasi yang serupa (termasuk Badan Amal)*.

Pemindahan Perniagaan sebagai Usaha Berterusan

259. Pemindahan perniagaan sebagai usaha berterusan (TOGC) adalah suatu pemindahan atau jualan suatu perniagaan atau sebahagian daripada suatu perniagaan daripada orang kena cukai (pemindah) kepada orang lain (penerima pindahan) yang merupakan orang kena cukai atau manjadi orang kena cukai hasil daripada pemindahan tersebut. Perniagaan yang dipindahkan mestilah juga mampu untuk beroperasi secara berasingan.

260. TOGC boleh termasuk seperti berikut:-

- (a) aset perniagaan orang kena cukai diambil alih oleh orang kena cukai yang lain disebabkan kematian; atau
- (b) orang kena cukai menjual sebahagian daripada perniagaannya kepada orang kena cukai yang lain yang kemudiannya menjalankan perniagaan itu sebagai suatu usaha berterusan.

261. TOGC adalah satu kemudahan yang disediakan kepada pemindah dan penerima pindahan untuk mengurangkan masalah aliran tunai. Berikut adalah beberapa contoh pemindahan yang tidak layak dianggap sebagai usaha berterusan:-

- (a) penjualan aset seperti tanah dan bangunan yang tidak mampu beroperasi sebagai perniagaan sendiri;
- (b) pemindahan saham dalam syarikat berhad daripada satu individu kepada satu individu yang lain di mana aset tersebut masih dimiliki oleh syarikat berhad dan tiada sebarang caj dalam pemilikan asset berkenaan.

262. TOGC adalah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun perkhidmatan. Oleh itu, tiada sebarang CBP dikenakan dan dibayar bagi pemindahan sedemikian.

263. Suatu pemindahan perniagaan hanya boleh dianggap sebagai TOGC apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi seperti berikut:-

- (a) pemindah mestilah orang berdaftar CBP pada masa pemindahan dan penerima pindahan adalah orang kena cukai atau pemindahan tersebut menjadikannya orang kena cukai;
- (b) perniagaan yang dipindahkan mestilah suatu usaha berterusan pada masa pemindahan;
- (c) penerima pindahan mestilah menggunakan aset yang dipindahkan itu menjalankan perniagaan yang sama jenis dengan pemindah; dan

- (d) jika hanya sebahagian daripada perniagaan yang dipindahkan, bahagian perniagaan itu mestilah boleh beroperasi secara berasingan.

264. Peruntukan am di bawah Skim Pelarasan Harta Modal adalah terpakai kepada TOGC. Ini bermakna apabila apa-apa item harta modal yang jatuh di bawah Skim Pelarasan Harta Modal dipindahkan sebagai usaha berterusan, penerima pindahan dikehendaki meneruskan dengan membuat pelarasan bagi item harta modal yang dipindahkan bagi tempoh pelarasan yang masih berbaki. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai TOGC dan Pelarasan Harta Modal*.

Usaha Sama di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran

265. Suatu usaha sama (JV) di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) boleh diluluskan untuk pendaftaran sebagai CBP usaha sama.

266. Pengusaha dalam JV akan mencalonkan salah seorang pengusaha sebagai pengendali usaha untuk membuat perolehan dan pembekalan bagi pihak JV. Sebagai alternatif, pengusaha boleh mencalonkan syarikat pengendali bersama (JOC) yang bukan pengusaha kepada JV untuk menjadi pengendali usaha bagi menguruskan JV tersebut.

267. Layanan usaha sama CBP memerlukan:-

- (a) semua pengusaha dalam PSC mestilah orang berdaftar sebelum JV boleh didaftarkan di atas nama pengendali usaha atau JOC;
- (b) pengendali usaha hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi JV berkenaan;
- (c) pembekalan bercukai bagi barang atau perkhidmatan yang dibuat di antara pengusaha dan pengendali usaha bagi tujuan menjalankan perniagaan bagi JV itu adalah tidak diambilkira;
- (d) pengusaha boleh menuntut potongan cukai input ke atas perolehan yang dibuat oleh mereka bagi JV itu;

- (e) pengendali usaha boleh menuntut potongan cukai input ke atas perolehan yang dibuat olehnya bagi JV itu;
- (f) pengusaha JV di bawah PSC akan mengakaunkan dan membayar cukai output ke atas pembekalan yang dibuat daripada perkongsian faedah JV itu;
- (g) pembekalan bercukai yang dibuat di antara pengusaha adalah berkadar standard;
- (h) apa-apa aktiviti yang dikhidmat luar kepada pihak ketiga hendaklah diambil sebagai aktiviti yang dijalankan dan diurus oleh pihak ketiga dan bukan aktiviti yang dijalankan dan diurus oleh JV itu;
- (i) semua pengusaha JV itu hendaklah bertanggungjawab secara bersejajarnya dan berasingan bagi apa-apa cukai yang kena dibayar daripada pengendali usaha.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Aktiviti Hujung Petroleum*.

Pengambilan Semula

268. Dalam mana-mana perjanjian sewa beli, barang lazimnya diambil semula jika pembeli gagal dalam pembayarannya. Pemberi pinjaman atau pembiaya yang menyediakan kemudahan pinjaman atau kredit akan melantik ejen pengambilan semula untuk menarik balik atau mengambil semula barang daripada pembeli untuk mendapatkan pinjaman.

269. Lazimnya, barang yang ditarik balik akan dijual oleh pemberi pinjaman atau pembiaya melalui lelongan. Sama ada penjualan daripada pengambilan semula barang tersebut tertakluk kepada CBP atau tidak bergantung kepada status pemilik (penyewa) seperti berikut:-

- (a) Jika pemilik barang adalah orang berdaftar, pembiaya atau penjual mestilah mengakaunkan CBP (cukai output) tanpa mengambil kira sama ada dia berdaftar CBP atau tidak.

- (b) Jika pemilik barang bukan orang berdaftar, pembiaya atau penjual tidak perlu mengakaunkan CBP (cukai output).

270. Jika ejen pengambilan semula adalah orang berdaftar, dia mestilah mengakaunkan CBP ke atas apa-apa fi atau komisen yang dikenakan bagi perkhidmatan yang disediakannya kepada pembiaya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Pengambilan Semula*.

Pelelong

271. Di dalam penjualan lelongan, pelelong biasanya bertindak sebagai ejen untuk menjual barang bagi pihak pemilik atau pembiaya yang dikenali sebagai prinsipal. Prinsipal hendaklah mengakaunkan CBP ke atas penjualan manakala pelelong hendaklah mengakaunkan CBP ke atas komisen atau fi jika dia adalah orang berdaftar.

272. Walau bagaimanapun, pelelong boleh juga bertindak atas namanya sendiri tanpa mendedahkan identiti prinsipalnya. Dalam kes sedemikian, pelelong tanpa mengambil kira sama ada dia orang berdaftar atau tidak, adalah dikehendaki untuk mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas penjualan barang yang dimiliki prinsipalnya jika prinsipalnya adalah orang kena cukai. Walau bagaimanapun, pembekalan barang yang dibuat oleh prinsipal kepada pelelong adalah tidak diambil kira.

273. Lelongan perlu dijalankan berasaskan termasuk CBP. Ini hendaklah dinyatakan pada awal lelongan, supaya pembida tahu bidaan mereka termasuk CBP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Pelelong*.

Ejen

274. Pada amnya, seorang ejen adalah perantara yang diberi kuasa oleh satu pihak untuk bertindak bagi pihak mereka dalam menguruskan pembekalan barang atau perkhidmatan. Pembekalan yang diuruskan oleh seorang ejen adalah sebenarnya dibuat oleh atau kepada pihak yang diwakilinya (prinsipalnya). Ejen tersebut hanya

memudahkan transaksi dan menerima komisen daripada prinsipalnya sebagai balasan daripada perkhidmatan yang disediakan.

275. Seseorang ejen adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan yang dibuat olehnya kepada prinsipalnya jika dia adalah orang berdaftar. Layanan yang sama terpakai bagi apa-apa pembekalan yang diurus oleh ejen itu bagi pihak prinsipalnya. Pembekalan sedemikian adalah dibuat oleh prinsipal dan bukan oleh ejen itu. Oleh yang demikian, prinsipal adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP ke atas pembekalan itu.

276. Seseorang ejen bukan sahaja boleh bertindak bagi pihak seorang prinsipal tempatan bahkan juga bagi pihak seorang prinsipal yang tidak berada di Malaysia. Dalam kes sebegini, ejen itu hendaklah bertanggungjawab dan bertanggungjawab untuk liabiliti cukai bagi pihak prinsipal, walaupun pembekalan tersebut dibuat oleh prinsipal yang tidak berada di Malaysia dengan syarat bahawa ejen tersebut dilantik oleh prinsipalnya dan pembekalan yang dibuat oleh prinsipalnya adalah tidak termasuk apa-apa pembekalan yang dibuat atas namanya sendiri.

277. Jika seorang ejen itu bertindak bagi pihak seorang prinsipal yang bukan orang kena cukai, apa-apa barang yang diimport dan dibekalkan oleh ejen itu hendaklah disifatkan sebagai diimport dan dibekalkan oleh ejen itu jika dia adalah orang kena cukai.

278. Seorang ejen yang bertindak atas namanya sendiri bagi apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat olehnya akan dikira sebagai orang kena cukai yang biasa dan dengan itu peraturan biasa CBP adalah terpakai kepadanya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Ejen*.

Pelepasan barang terpakai

279. Di bawah peraturan biasa, CBP dikenakan ke atas harga penuh barang yang dibekalkan tanpa mengambil kira sama ada barang tersebut baru atau terpakai.

280. Walau bagaimanapun, terdapat situasi di mana peraturan tersebut tidak terpakai. Bagi barang terpakai yang ditetapkan, orang kena cukai boleh mengenakan CBP ke atas lebihan seperti yang ditunjukkan di bawah:-

$$\text{Lebihan} = X - Y$$

di mana X = balasan bagi barang yang dibekalkan; dan
Y = balasan bagi barang yang diperoleh.

Jika tidak terdapat lebihan, tiada CBP dikenakan. Barang terpakai itu akan layak untuk pelepasan jika tiada cukai dikenakan ke atas pembekalan yang sebelumnya diperoleh oleh orang kena cukai. Amaun lebihan hendaklah disifatkan sebagai termasuk CBP.

281. Barang yang layak untuk pelepasan barang terpakai adalah kenderaan bermotor terpakai sama ada atau tidak kenderaan bermotor itu telah diperoleh sebelum atau selepas cukai telah dikenakan pada masa pembekalan atau pengimportan.

282. Kelulusan mestilah terlebih dahulu diperolehi daripada Ketua Pengarah untuk menggunakan skim ini. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Pelepasan untuk Barang Terpakai*.

Skim Penggudangan

283. Di bawah sistem CBP, barang adalah tertakluk kepada CBP semasa pengimportan. Pembayaran CBP oleh pengimport di tempat pengimportan boleh menyebabkan kesukaran dari segi aliran tunai kerana mereka terpaksa membayar cukai terlebih dahulu. Oleh itu, satu skim khas yang dikenali sebagai skim penggudangan diperkenalkan untuk meringankan masalah aliran tunai. Di bawah skim ini, pembayaran CBP adalah digantung ke atas semua barang yang diimport dan disimpan di dalam gudang.

284. Skim ini adalah layak kepada mana-mana orang yang mengimport barang dan menyimpan barang di dalam gudang. Terma 'gudang' bermaksud –

- (a) mana-mana gudang kastam;

- (b) mana-mana gudang berlesen;
- (c) kedai bebas cukai; atau
- (d) mana-mana depot pelepasan pedalaman,

yang mempunyai maksud yang diberikan kepadanya di dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967.

285. Di bawah skim pengudangan, jika terdapat lebih daripada satu pembekalan (bagi barang diimport) dalam satu gudang, hanya pembekalan yang terakhir tertakluk kepada CBP. Pembekalan terakhir adalah tertakluk kepada CBP kerana ianya dikira sebagai berlaku di peringkat duti. Nilai pembekalan akan dikira sebagai termasuk duti (sama ada duti kastam atau duti eksais atau kedua-duanya, jika ada). CBP ke atas pembekalan itu hendaklah dibayar di peringkat duti bersama dengan duti, jika ada. Pembekalan perantaraan dalam gudang itu hendaklah tidak diambil kira bagi maksud CBP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Skim Pengudangan*.

Skim Kadar Rata

286. Skim Kadar Rata adalah satu skim yang membenarkan mana-mana individu yang tidak berdaftar dan menjalankan perniagaan yang melibatkan aktiviti yang ditetapkan seperti penanaman, penternakan dan perikanan untuk mendapatkan CBP yang terkandung di dalam pembelian mereka.

287. Mana-mana orang yang diluluskan untuk menggunakan skim ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) boleh mengenakan satu tambahan kadar rata yang ditetapkan ke atas pembekalan bercukai termasuk pembekalan berkadar sifar yang dibuat olehnya kepada mana-mana orang berdaftar;
- (b) mesti mengeluarkan invois dan menyatakan maklumat aktiviti yang ditetapkan dengan jelas jika dia mengenakan satu tambahan kadar rata kepada pembeli berdaftar;

- (c) tidak boleh menuntut sebarang cukai input yang ditanggung ke atas pembeliannya;
- (d) mestilah mengemukakan penyata tahunan yang menunjukkan jumlah jualan dengan tambahan kadar rata kepada pembeli berdaftar; dan
- (e) tertakluk kepada audit sebagaimana dan apabila dikehendaki.

288. Orang yang diluluskan adalah tidak layak untuk skim ini apabila jumlah jualan tahunannya melebihi nilai ambang yang ditetapkan dan dengan itu peraturan biasa CBP terpakai kepadanya.

289. Pembeli yang berdaftar adalah berhak untuk menuntut tambahan kadar rata sebagai cukai inputnya dengan menggunakan invois yang dikeluarkan oleh orang yang diluluskan untuk menggunakan Skim Kadar Rata. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Skim Kadar Rata*.

Skim Pedagang Diluluskan

290. Skim Pedagang Diluluskan (ATS) adalah satu skim yang membenarkan mana-mana orang kena cukai untuk menggantung pembayaran CBP ke atas barang yang diimport pada masa pengimportan. CBP yang kena dibayar ke atas semua barang yang diimport semasa tempoh bercukai hendaklah diikrar dalam tempoh bercukai di mana pengimportan berlaku.

291. Orang kena cukai adalah layak untuk memohon ATS jika dia adalah:-

- (a) dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967;
- (b) beroperasi di dalam zon perindustrian bebas cukai di bawah perenggan 10(1)(b) Akta Zon Bebas 1990;
- (c) diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan dan Perindustrian Malaysia untuk mengendalikan satu Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dan Pusat Pengedaran Serantau (RDC);

- (d) individu yang mempunyai jumlah jualan tahunan yang melebihi RM25 juta dan membuat sekurang-kurang 80% pembekalan berkadar sifar;
- (e) individu selain daripada pembekal tempatan kepada pembekal asing, yang mendapat kelulusan untuk menggunakan Skim Pengilang Tol Diluluskan di bawah seksyen 73 akta ini;
- (f) individu yang mendapat kelulusan untuk menggunakan Skim Tukang Emas Diluluskan di bawah seksyen 74 akta ini; atau
- (g) individu adalah atau yang berada di dalam kelas orang yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Skim Pedagang Diluluskan*.

Skim Pengilang Tol Diluluskan

292. Skim Pengilang Diluluskan (ATMS) adalah satu skim yang membenarkan mana-mana orang kena cukai yang diluluskan (pengilang tol) untuk tidak mengambil kira apa-apa aktiviti nilai tambah (perkhidmatan secara kontrak) ke atas barang yang dimiliki oleh individu yang tidak berada Malaysia (prinsipal luar negara). Contoh aktiviti nilai tambah boleh termasuk perawatan atau pemprosesan barang yang dihantar balik oleh pengilang tol kepada prinsipal luar negara.

293. Apa-apa penghantaran barang yang dirawat atau diproses oleh pengilang tol kepada pelanggan tempatan prinsipal di luar Negara adalah pembekalan tetapi pembekalan itu tidak diambil kira. Liabiliti CBP akan dipindahkan kepada pelanggan tempatan di bawah mekanisme “perakaunan sendiri penerima”. Oleh itu, pelanggan tempatan sama dia orang berdaftar atau tidak hendaklah mengakaunkan dan membayar cukai seolah-olah dirinya sendiri dibekalkan dan memperolehi barang itu.

294. Orang kena cukai adalah layak untuk memohon ATMS jika dia memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa:-

- (a) nilai pembekalan yang mengandungi perawatan atau pemprosesan barang bagi dan kepada individu yang berada di negara selain daripada Malaysia adalah RM2 juta atau lebih setahun; dan
- (b) dia mestilah mengeksport sekurang-kurangnya 80% barang siap.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Skim Pengilang Tol Diluluskan*.

Skim Tukang Emas Diluluskan

295. Tukang emas yang didaftar di bawah CBP adalah diperlukan untuk membayar cukai ke atas logam berharga seperti emas, platinum dan perak. Logam emas seperti ini yang dijual dalam jongkong atau bar bernilai tinggi dan boleh menyebabkan kesan yang ketara kepada aliran tunai tukang emas. Skim Tukang Emas (AJS) diperkenalkan untuk mengurangkan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh tukang emas. Walau bagaimanapun, untuk menggunakan skim ini adalah tertakluk kepada kebenaran daripada Ketua Pengarah.

296. Logam berharga di bawah skim ini terhad kepada emas (99.5% ketulenen), perak (99.9% ketulenen) and platinum (99.9% ketulenen). Di bawah Akta CBP, cukai ke atas apa-apa pembekalan logam berharga yang ditetapkan kepada tukang emas (orang yang diluluskan) di bawah AJS akan menjadi liabiliti tukang emas dan bukan pembekal. Oleh itu, pembekal tidak perlu untuk mengakaunkan cukai output bagi pembekalan seperti ini. Sebaliknya, orang yang diluluskan hendaklah mengakaunkan bayaran CBP ke atas pembekalan dengan cara “perakaunan sendiri penerima”.

297. Di bawah konsep “perakaunan sendiri penerima”, orang yang diluluskan akan mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan logam berharga yang diperolehinya melalui tempatan seolah-olah dia sendiri telah membekalkan barang itu dengan tujuan menjalankan perniagaannya. Dia kemudian menanggung pembayaran cukai output yang kena dibayar dengan mengkreditkan cukai input yang disifatkan sama dengannya. Dengan cara ini, orang yang diluluskan tidak perlu membayar CBP terlebih dahulu semasa perolehan logam berharga yang ditetapkan.

298. Apabila logam berharga seperti ini kemudiannya dikeluarkan menjadi barang siap dan dibekalkan sebagai barang kemas kepada pasaran tempatan, orang yang diluluskan akan mengakaunkan cukai output. Jika barang siap seperti ini dieksport, pembekalan ini adalah berkadar sifar. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP mengenai Skim Tukang Emas Diluluskan*.

Pasaran Modal

299. Bagi wakil peniaga dan wakil broker niaga hadapan untuk berdagang di Bursa Saham Malaysia, mereka perlu ditempatkan kepada beberapa peniaga atau broker niaga hadapan di Malaysia. Untuk tujuan CBP,

- (a) peniaga dan wakil peniaga itu; atau
- (b) wakil broker niaga hadapan dan broker niaga hadapan;

adalah dianggap sebagai satu entiti. Pendaftaran akan di dalam nama peniaga atau broker niaga hadapan yang diambil kira sebagai ketua anggota.

300. Apa-apa pembekalan oleh atau kepada wakil peniaga atau wakil broker niaga hadapan dianggap sebagai pembekalan oleh atau kepada ketua anggota. Sebagai ketua anggota, dia dikehendaki mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas semua komisen pembrokeran yang dikenakan tanpa mengira perolehan wakil peniaga atau wakil broker niaga hadapan.

301. Jika peniaga atau broker niaga hadapan adalah orang kena cukai, peniaga atau broker niaga hadapan dibenarkan untuk menuntut kredit cukai input ke atas CBP yang terlibat ke atas perbelanjaan bercukai yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai. Ini termasuk perbelanjaan wakil peniaga atau wakil broker niaga hadapan itu seperti perkhidmatan telekomunikasi.

302. Pembekalan intra di antara peniaga dan wakil peniaga atau di antara broker niaga hadapan dan wakil broker niaga hadapan seperti pengurusan sistem sewa dan sewa pejabat adalah tidak diambil kira untuk tujuan CBP. Ini bermakna bahawa ketua anggota

tidak dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada ketua wakil atau wakil broker niaga hadapan.

Pembayaran Ganti (*Disbursement*)

303. Orang berdaftar boleh menanggung perbelanjaan dan kemudiannya mendapatkan kembali perbelanjaan itu daripada pelanggan mereka. Layanan CBP bagi mendapatkan kembali perbelanjaan itu bergantung kepada sama ada perbelanjaan itu diperolehi oleh orang berdaftar sebagai seorang prinsipal atau seorang ejen.

304. Apa-apa perbelanjaan yang telah didapatkan kembali oleh orang berdaftar "yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan" daripada pihak lain adalah dianggap sebagai "pembayaran ganti". Perbelanjaan yang didapatkan kembali daripada pihak lain adalah pembekalan yang berasingan dan ianya tertakluk kepada CBP. Orang berdaftar akan bertindak sebagai prinsipal dalam memperolehi barang dan perkhidmatan jika dia sendiri menandatangani perjanjian dengan pembekal dalam kapasitinya sendiri oleh kerana pembekalan tersebut adalah "yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan".

305. Bayaran yang didapatkan kembali oleh orang berdaftar "yang dilakukan sebagai ejen" bagi pihak lain dianggap sebagai pembayaran ganti. Bayaran yang didapatkan kembali itu dilakukan oleh orang berdaftar atas sifatnya sebagai ejen pembayar bagi pihak lain untuk melaksanakan tanggungjawab melakukan pembayaran. Orang berdaftar itu tidak mempunyai obligasi undang-undang untuk membuat bayaran ke atas barang atau perkhidmatan atau merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian dan budi bicara untuk mengubah sifat atau nilai pembekalan dibuat di antara pelanggannya dan pembekal (pihak ketiga) tetapi dibenarkan oleh pelanggannya untuk membuat pembayaran kepada pembekal bagi pihaknya. Oleh kerana, dia hanya merupakan ejen pembayar, tiada pembekalan telah dibuat olehnya. Perbelanjaan yang didapatkan kembali di bawah pengeluaran bayaran tidak bermaksud pembekalan dan ianya tidak tertakluk kepada CBP. Oleh itu, cukai input boleh dituntut pada pembayaran ganti yang berikutnya oleh pihak yang lain.

306. Pembayaran kepada pihak ketiga akan dianggap sebagai pembayaran ganti jika: -

- (a) pembayaran ganti itu dibuat oleh orang yang sebagai ejen bagi pihak pelanggan;
- (b) pelanggan sebenarnya menerima barang atau perkhidmatan;
- (c) pelanggan adalah orang yang bertanggungjawab untuk membayar;
- (d) pembayaran ini diberi kuasa oleh pelanggan;
- (e) pelanggan tahu bahawa barangan dan perkhidmatan yang dibayar yang disediakan oleh pihak ketiga;
- (f) pembayaran ini disenaraikan;
- (g) orang yang mendakwa jumlah sebenar daripada pelanggan; dan
- (h) pembayaran adalah jelas tambahan untuk bekalan orang itu membuat kepada pelanggan.

Contoh 15

Syarikat A melibatkan B penganjur acara untuk membantu menganjurkan "Majlis Anugerah Cemerlang". A membuat kontrak dengan C untuk membekalkan yang akan diberi kepada para peserta sebagai ucapan terima kasih kepada mereka atas sokongan yang diberi. A memesan hadiah dari Syarikat C dan mengarahkan C untuk menyerahkannya kepada B atas sebab-sebab logistik. C mengeluarkan invoice kepada A. Apabila menerima barang, B membuat pembayaran ke atas hadiah itu dan kemudiannya A membuat pembayaran balik. B semata-mata menerima dan membayar untuk hadiah bagi pihak A. Oleh itu, mendapatkan balik oleh B kos hadiah dari A merupakan pembayaran dan tidak tertakluk kepada CBP

Contoh 16

Duti Kastam dikenakan atas barang-barang berduti yang diimport ke Malaysia. Dalam proses pelepasan, pengimport B telah mengguna perkhidmatan syarikat penghantaran pengangkutan AH untuk menguruskan

pelepasan barang-barangnya dari Kastam dan membayar duti. Barang-barang itu dimiliki dan diimport oleh B. Pengisytiharan import di bawah nama B. Adalah kewajipan B membayar cukai ke atas pengimportan itu. AH hanya bertindak sebagai ejen dalam membuat pembayaran duti bagi pihak B. Oleh itu, mendapatkan semula duti yang telah dibayar oleh AH dari B adalah pembayaran dan tidak tertakluk kepada CBP.

Contoh 17

AA & Co seorang pengamal undang-undang telah diminta untuk mengendalikan pendaftaran pelbagai dokumen yang berkaitan dengan pemilikan hartanah untuk pelanggannya (Yes Sdn Bhd). Beliau kena mendahulukan bayaran untuk perkhidmatan tersebut kepada Pejabat Tanah bagi pihak pelanggannya. AA & Co seterusnya mengeluarkan suatu invois terperinci kepada Ya Sdn Bhd yang mana kos perkhidmatan pendaftaran itu dikira sebagai pembayaran dan mengisytihar cukai output hanya pada nilai perkhidmatannya sendiri dalam memperolehi khidmat itu. Dalam proses membuat bayaran kepada invois itu, Ya Sdn Bhd itu akan memulangkan kepada AA & Co kos perkhidmatan pendaftaran tersebut. Oleh itu, perolehan kembali oleh AA & Co kos pendaftaran yang telah dibayarnya dahulu dari Ya Sdn. Bhd adalah pembayaran dan tidak tertakluk kepada CBP.

AUDIT AND TAKSIRAN

307. Bahagian ini menjelaskan proses audit dan tanggungjawab orang kena cukai. Kedua-dua pihak iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan orang berdaftar adalah sama-sama penting untuk memastikan objektif audit tercapai sepenuhnya.

Objektif

308. Audit adalah proses pemeriksaan dan pengesahan tentang kebenaran maklumat dalam penyata CBP dan menilai tahap pematuhan secara keseluruhan orang berdaftar.

Tujuan utama audit adalah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela daripada pembayar cukai. Untuk mencapai tujuan pematuhan sukarela, audit CBP akan dilakukan secara berkala oleh Kastam yang juga bertujuan mendidik orang kena cukai CBP serta mewujudkan kesedaran akan hak dan tanggungjawab orang berdaftar seperti mana kehendak perundangan CBP.

Tempoh Masa Liputan Audit

309. Secara umum, audit CBP akan merangkumi tempoh tiga hingga enam tahun dari tempoh penyata CBP terkini bergantung kepada jenis audit yang akan dijalankan. Walau bagaimanapun, tempoh yang diliputi dalam audit mungkin kurang daripada tiga (3) tahun dalam beberapa kes. Tempoh audit boleh melampaui enam (6) tahun jika penemuan awal mendedahkan penyelewengan atau kewujudan penipuan.

Jenis Audit dalam CBP

310. Terdapat beberapa jenis audit yang akan dijalankan di bawah CBP.

(a) Audit Meja

Secara umumnya, audit meja melibatkan pemeriksaan dan pengesahan maklumat pada penyata CBP untuk menentukan kebenaran dan ketepatan maklumat yang diisytiharkan. Audit sedemikian biasanya berkenaan dengan isu-isu yang mudah.

(b) Audit Pembayaran Balik

Audit pembayaran balik dijalankan bagi maksud untuk mengesahkan bayaran balik yang dituntut oleh orang kena cukai adalah benar dan betul.

(c) Audit Transaksi

Audit transaksi yang dijalankan adalah bagi tujuan mengesahkan bahawa transaksi itu wujud dan dipatuhi dengan betul dan dilaporkan.

(d) Audit Nasihat

Audit nasihat dijalankan untuk memberikan khidmat nasihat dan pendidikan cukai kepada orang kena cukai untuk membolehkan mereka untuk memahami sepenuhnya kehendak perundangan CBP dan seterusnya menggalakkan pematuhan sukarela daripada mereka.

(e) Audit Pematuhan

Audit pematuhan adalah audit yang menyeluruh dijalankan ke atas semua transaksi untuk memastikan bahawa orang kena cukai mematuhi perundangan CBP.

(f) Audit Pembatalan

Audit ini adalah audit yang menyeluruh terhadap semua transaksi sebelum sebarang pembatalan pendaftaran CBP.

(g) Audit Khas

Satu audit khas dijalankan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(h) Audit Unit Pembayar Cukai Terbesar (LTU)

Pengauditan ini dijalankan ke atas orang kena cukai yang telah diklasifikasikan sebagai pembayar cukai yang terbesar untuk memastikan pematuhan mereka yang sepenuhnya kepada perundangan CBP.

Pemilihan kes audit ini berasaskan dengan cara penilaian risiko dan juga berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada pelbagai sumber.

311. Secara umumnya, Kastam akan memaklumkan orang berdaftar yang audit akan dijalankan untuk memudahkan proses audit.

Tempat Audit

312. Semua rekod yang berhubungan dengan liabiliti CBP hendaklah mudah diakses oleh juruaudit. Atas sebab ini, audit CBP biasanya dijalankan di premis orang kena cukai

di mana rekod disimpan atau di tempat yang dipersetujui oleh Kastam kecuali audit meja akan dijalankan di pejabat kastam.

Tanggungjawab Orang Kena Cukai

313. Orang kena cukai perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada juruaudit sepanjang audit. Semasa menjalankan audit, pegawai audit hendaklah dibenarkan untuk memeriksa semua rekod perniagaan termasuk rekod-rekod yang disimpan secara elektronik dan memeriksa stok dan peralatan secara fizikal untuk tujuan pengesahan liabiliti CBP. Perundangan CBP memerlukan orang kena cukai untuk menyimpan rekod yang lengkap dan benar bagi tempoh 7 tahun. Semua rekod yang berkaitan dengan pembekalan yang dibuat dan diterima oleh orang kena cukai hendaklah disediakan kepada juruaudit. Ini termasuk:-

- (a) inuis cukai, resit, nota kredit dan nota debit;
- (b) pengikraran eksport, import, bil muatan dan lain-lain dokuemn perkapalan;
- (c) dokumen penyata, termasuk dokumen bank;
- (d) lejer, buku tunai, jurnal;
- (e) rekod pelarasan seperti pelarasan hutang lapuk;
- (f) carta perakaunan, kod akses, manual arahan sistem;
- (g) kontrak/perjanjian jualan;
- (h) senarai pemiutang dan penghutang;
- (i) penyata dan senarai kawalanstok;
- (j) penyata kewangan; dan
- (k) apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pembekalan yang dibuat atau diterima yang menjejaskan liabiliti orang kena cukai.

Taksiran

Kuasa untuk menaksir

314. Di bawah seksyen 43 bagi akta ini, kuasa untuk mentaksir akan dijalankan dalam situasi berikut:-

- (a) jika orang kena cukai tidak memohon untuk didaftarkan apabila dia telah melebihi nilai ambang, tidak memberikan penyata atau memberikan penyata yang tidak lengkap atau tidak betul;
- (b) Ketua Pengarah Kastam boleh menaksirkan amaun cukai kena dibayar apabila pembayaran balik cukai telah tersilap dibayar kepada mana-mana orang;
- (c) jika orang kena cukai gagal untuk mengakaunkan barang yang diperolehi atau yang diimport tetapi yang tidak dibekalkan atau tersedia untuk dibekalkan atau dieksport atau hilang atau musnah;
- (d) jika orang kena cukai gagal mengemukakan penyata bagi tempoh bercukai dan apa-apa tempoh bercukai yang berikutnya, selepas taksiran telah dibuat di bawah perenggan (a) di atas walaupun cukai telah dibayar sepenuhnya;
- (e) Ketua Pengarah Kastam menyifatkan jumlah yang ditaksir sebagai cukai yang betul yang disebabkan daripada orang kena cukai melainkan jika taksiran itu kemudiannya ditarik balik atau dikurangkan;
- (f) jika Ketua Pengarah mendapati bahawa amaun yang patut ditaksir melebihi amaun yang telah ditaksir; dan
- (g) Ketua Pengarah dibenarkan untuk membuat penaksiran pada bila-bila masa (tanpa mengambil kira had masa enam tahun) bagi kes-kes penipuan atau

ketidakpatuhan yang dilakukan ke atas maksud itu oleh atau bagi mana-mana pihak berhubung dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan.

315. Keputusan taksiran bagi orang kena cukai akan dimaklumkan secara bertulis secepat mungkin.

Kaedah Penaksiran

316. Kaedah penaksiran adalah seperti berikut:

(a) Taksiran Auto

Taksiran auto akan dijana oleh sistem dan orang kena cukai akan diberikan notis taksiran.

(b) Taksiran Manual

Berikutan kesimpulan audit, butiran penemuan audit akan dibincangkan dengan orang kena cukai. Dalam keadaan di mana apa-apa kekurangan bayaran cukai atau salah menuntut kredit cukai input ditemui, notis taksiran akan dikeluarkan oleh Kastam.

Amaun cukai dan penalti tertunggak dan kena dibayar kepada Ketua Pengarah

317. Amaun cukai dan penalti daripada penaksiran ini mestilah dibayar sepenuhnya untuk mengelakkan sebarang penalti selanjutnya. Jika orang kena cukai tidak bersetuju dengan taksiran itu, dia mempunyai hak untuk merayu kepada Ketua Pengarah untuk semakan semula ke atas penaksiran yang dibuat.

KETETAPAN CBP

318. Terdapat dua (2) jenis ketetapan CBP iaitu, ketetapan umum dan ketetapan awal.

Ketetapan Umum

319. Satu ketetapan umum adalah ketetapan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dan

dikeluarkan kepada orang awam untuk memberi panduan mengenai tafsiran dan aplikasi mana-mana peruntukan Akta CBP. Tujuannya adalah untuk memberikan penjelasan dan ketelusan dalam mengaplikasikan perundangan CBP.

320. Mana-mana ketetapan umum yang dikeluarkan adalah terpakai kepada mana-mana individu atau kelas individu, atau apa-apa jenis yang berkenaan. Jika ketetapan telah dikeluarkan kepada orang awam, Ketua Pengarah boleh menarik balik keputusan itu sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya untuk memudahkan pelaksanaan Akta CBP.

Ketetapan Awal

321. Ketetapan awal adalah keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atas permohonan oleh mana-mana individu untuk mendapatkan ketetapan atas permohonan peruntukan Akta CBP dan untuk membuat perkiraan ketetapan awal yang diminta. Pengeluaran ketetapan awal bertujuan untuk memastikan penjelasan dan kepastian dalam layanan cukai dan konsisten dalam mengaplikasikan pematuhan dan mengurangkan pertikaian.

322. Sesuatu permohonan bagi ketetapan awal dikehendaki dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh menentukan dan tertakluk kepada fi yang ditetapkan.

323. Apabila sesuatu permohonan untuk ketetapan awal diterima, Ketua Pengarah akan membuat ketetapan yang dicari oleh individu tersebut yang akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam ketetapan.

324. Seseorang yang telah mendapat ketetapan awal dikehendaki memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah maklumat berikut:-

- (a) sama ada terdapat perubahan yang ketara dibuat kepada perkiraan yang dikenal pasti dalam ketetapan awal;
- (b) sama ada individu itu menerima ketetapan awal dan berhasrat untuk memohon keputusan itu kepada perkiraan tersebut; dan

- (c) sama ada individu itu telah melakukan atau dilaksanakan perkiraan yang ditetapkan awal diminta.

325. Mana-mana ketetapan awal yang dikeluarkan bagi maksud apa-apa perkiraan adalah muktamad dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan itu.

326. Jika peruntukan Akta CBP dipinda atau dimansuhkan yang berkaitan dengan ketetapan awal yang dikeluarkan, keputusan itu hendaklah dianggap sebagai tidak berkenaan berkuat kuasa dari tarikh apabila peruntukan dipinda atau dimansuhkan.

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

327. Kajian semula dan rayuan adalah proses dalam sistem CBP untuk membenarkan resolusi ke atas keputusan yang dipertikaikan. Seseorang boleh memohon kali pertama kepada Ketua Pengarah untuk kajian semula dan semakan keputusan yang dipertikaikan sebelum merayu kepada Tribunal Rayuan CBP (Tribunal). Dia juga boleh membuat rayuan terus kepada Tribunal atas apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah tanpa terlebih dahulu pergi kepada Ketua Pengarah untuk dikaji semula dan disemak.

Kajian Semula dan Semakan

328. Mana-mana individu yang terkilan dengan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau pegawai CBP boleh memohon untuk kajian semula dan semakan keputusan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu. Apabila menerima permohonan itu, Ketua Pengarah akan membuat keputusan dalam tempoh enam puluh (60) hari atau dalam tempoh yang praktikal dan memaklumkan kepada individu itu.

Rayuan

329. Jika mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah (termasuk keputusan selepas kajian semula dan semakan), dia boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Tribunal dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan yang dipertikaikan. Mana-mana rayuan mestilah dibuat dalam borang yang ditetapkan

bersama dengan fi yang ditetapkan.

330. Sesuatu rayuan kepada Tribunal hanya boleh dibuat ke atas perkara-perkara selain daripada perkara-perkara yang disenaraikan di bawah Jadual Keempat Akta CBP 20XX seperti berikut:

- (a) apa-apa perkara yang sedia ada sebagai sekatan berkanun di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa arahan untuk mengira seseorang sebagai seorang orang kena cukai tunggal;
- (c) apa-apa penolakan pendaftaran secara sukarela;
- (d) apa-apa penolakan pendaftaran kumpulan;
- (e) apa-apa perkara yang berhubungan dengan penetapan semula tempoh bercukai;
- (f) pengimbangan cukai terhadap pembayaran balik;
- (g) apa-apa penyitaan dan penjualan apa-apa barang bagi mendapatkan apa-apa cukai, penalty atau lain-lain amaun;
- (h) apa-apa penolakan pembayaran ke atas cukai atau penalti secara ansuran;
- (i) apa-apa keputusan untuk mengurangkan atau menolak apa-apa pembayaran balik yang mana akan dengan tidak patut mengayakan orang kena cukai;
- (j) apa-apa penolakan pembayaran balik suatu amaun yang telah dibayar oleh mana-mana orang oleh sebab bahawa amaun yang tidak dibayar kepadanya;
- (k) apa-apa penolakan untuk meremit apa-apa penalti atau surcaj;
- (l) apa-apa penolakan untuk meluluskan apa-apa permohonan bagi apa-apa skim;

- (m) apa-apa ketetapan awal yang dibuat;
- (n) perjalanan penguatkuasaan kuasa;
- (o) pengkompaunan kesalahan; dan
- (p) apa-apa perkara yang berhubungan dengan kelulusan ganjaran oleh Ketua Pengarah.

